

14730-X

**Multi-Purpose Insurans Bhd  
(Diperbadankan di Malaysia)**

<b>Kandungan</b>	<b>Mukasurat</b>
Laporan pengarah	1 - 9
Penyata pengarah	10
Akuan berkanun	10
Laporan juruaudit bebas	11 - 13
Penyata kedudukan kewangan	14
Penyata pendapatan	15
Penyata pendapatan komprehensif	16
Penyata perubahan dalam ekuiti	17
Penyata aliran tunai	18 - 19
Nota-nota penyata kewangan	20 - 102

**Multi-Purpose Insurans Bhd  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**Laporan Pengarah**

Para Pengarah dengan sukacitanya mengemukakan laporan mereka berserta penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

**Aktiviti utama**

Aktiviti utama Syarikat adalah penajajaminan semua kelas perniagaan insurans am. Aktiviti utama syarikat subsidiari dinyatakan dalam Nota 6 kepada penyata kewangan. Tiada perubahan ketara yang berlaku terhadap aktiviti tersebut sepanjang tahun kewangan.

**Keputusan**

	<b>Kumpulan RM'000</b>	<b>Syarikat RM'000</b>
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan	<u>52,215</u>	<u>52,024</u>
Milik:		
Syarikat induk muktamad	52,163	52,024
Kepentingan bukan kawalan	<u>52</u>	<u>-</u>
	<u>52,215</u>	<u>52,024</u>

Tiada sebarang pemindahan yang matan kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan kecuali apa yang dinyatakan dalam penyata kewangan.

Para Pengarah berpendapat, keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat sepanjang tahun kewangan tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusniaga atau peristiwa penting dan luar biasa.

**Dividen**

Jumlah dividen yang dibayar oleh Syarikat sejak 31 Disember 2012 adalah seperti berikut: -

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012: -

	<b>RM'000</b>
Dividen interim sebanyak 0.2667 sen sesaham, ditolak cukai pendapatan 25%, ke atas 100,000,000 saham biasa yang diluluskan oleh Lembaga pada 13 Mei 2013 dan dibayar pada 7 Jun 2013.	<u>20,000</u>

Para Pengarah tidak mencadangkan sebarang pembayaran dividen akhir bagi tahun kewangan semasa.

**Multi-Purpose Insurans Bhd  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**Urus tadbir Korporat**

Syarikat telah mematuhi segala aplikasi preskriptif yang ditetapkan dibawah BNM/RH/GL 003-2 ke atas "Rangka Kerja Berhemat bagi Urus Tadbir Korporat untuk Penanggung Insurans" yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia seperti yang dinyatakan dibawah:-

**(i) Tanggungjawab dan Pengawasan Lembaga Pengarah**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap keseluruhan urus tadbir Syarikat, pencapaian rancangan dan objektif korporat serta mematuhi Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, dan garis panduan Bank Negara Malaysia. Lembaga Pengarah bermesyuarat sekali setiap 2 bulan bagi memastikan segala tanggungjawab tersebut dilaksanakan secara efektif dan menetapi masa.

Pada 31 Disember 2013, Lembaga Pengarah terdiri daripada tiga orang Pengarah bukan eksekutif, bebas dan dua Pengarah bukan eksekutif, bukan bebas.

**(ii) Kebertanggungjawapan Pengurusan**

Syarikat mempunyai struktur organisasi yang efektif dan teratur, fungsi-fungsi tugas dan had-had kuasa yang jelas. Saluran-saluran komunikasi yang efektif tersedia di dalam organisasi dan manual pengendalian diwujudkan untuk semua fungsi penting bagi memastikan perkhidmatan yang konsisten dan berkualiti tinggi.

Tiada Pengarah dan pihak pengurusan kanan terlibat di dalam keadaan yang boleh menimbulkan konflik kepentingan. Semua kakitangan eksekutif terikat dengan Kod Etika yang diterima pakai oleh Syarikat.

**(iii) Kebebasan Korporat**

Urusniaga-urusniaga penting pihak berkaitan seperti yang didedahkan dalam Nota 29 pada penyata kewangan dilaksanakan pada terma-terma yang sekurang-kurangnya setanding dengan terma-terma komersial biasa.

**(iv) Pengurusan Kawalan Dalaman dan Risiko Operasi**

Syarikat telah mewujudkan suatu sistem kawalan dalaman yang efektif dan sistem pengurusan risiko dengan had-had risiko operasi yang bersesuaian bagi membolehkan risiko-risiko tersebut dikesan dan disekat lebih awal. Proses mengenalpasti, menilai dan menguruskan risiko serta memupuk budaya korporat yang bersesuaian dilaksanakan secara berterusan. Sistem pengurusan maklumat yang efektif membantu usaha-usaha pihak pengurusan untuk melindungi aset Syarikat dan kepentingan pemegang polisi pada setiap masa.

Kecukupan kawalan dalaman dinilai dengan cekap oleh fungsi audit dalaman bebas yang melaporkan kepada Lembaga Pengarah menerusi Jawatankuasa Audit. Pada 31 Disember 2013, Jawatankuasa Audit terdiri daripada tiga orang pengarah bebas bukan eksekutif dan seorang pengarah bukan bebas bukan eksekutif. Pematuhan kepada tatacara dan kawalan juga dinilai oleh juruaudit dalaman. Segala kekurangan dan pelanggaran tatacara dilaporkan dan ditangani dengan segera.

**Multi-Purpose Insurans Bhd  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**Urus tadbir Korporat (samb.)**

**(v) Kebertanggungjawaban awam**

Sebahagian daripada objektif dan dasar kualiti Syarikat ialah menjadi warga korporat yang kebertanggungjawaban sosial dan mewujudkan suatu budaya korporat yang jujur, adil dan beretika dalam segala urusan dan hubungan dengan orang awam serta pelanggan.

**(vi) Pelaporan kewangan**

Syarikat menyimpan rekod perakaunan yang sempurna dan penyata kewangan disediakan selaras Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS), Akta Syarikat, 1965 Malaysia serta garis panduan Bank Negara Malaysia.

**(vii) Keahlian dan mesyuarat jawatankuasa**

Komposisi Jawatankuasa-jawatankuasa dan mesyuarat-mesyuarat yang diadakan sepanjang tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:-

**Kehadiran / Bilangan Mesyuarat**

	<b>Lembaga Pengarah</b>	<b>Jawatan kuasa Audit</b>	<b>Jawatan kuasa Pencalonan</b>	<b>Jawatan kuasa Penggajian</b>	<b>Jawatan kuasa Pengurusan Risiko</b>
Tan Sri Dato' Dr Yahya bin Awang	Pengerusi 7/7	Ahli 6/6	Pengerusi 3/3	Ahli 2/2	-
Dato' Lim Tiong Chin	Ahli 7/7	-	Ahli 3/3	Ahli 2/2	Ahli 6/6
Dato' Yogesvaran a/l T Arianayagam	Ahli 7/7	Pengerusi 6/6	Ahli 3/3	Pengerusi 2/2	Pengerusi 6/6
Ms Kheoh And Yeng	Ahli 7/7	Ahli 6/6	Ahli 3/3	Ahli 2/2	-
Datuk Mohd Yusof bin Abd Rahaman	Ahli 7/7	Ahli 6/6	Ahli 3/3	-	Ahli 6/6

**Multi-Purpose Insurans Bhd  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**Urus tadbir Korporat (samb.)**

**(viii) Tanggungjawab Jawatankuasa**

Tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:-

*Jawatankuasa Audit*

Jawatankuasa Audit adalah jawatankuasa Lembaga Pengarah yang berfungsi bagi membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tugas pemantauan yang dipertanggungjawabkan. Jawatankuasa Audit mengkaji proses pelaporan kewangan Syarikat, sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko, proses audit dan proses bagi memantau permatuhan undang-undang dan peraturan-peraturan Syarikat, dan juga perkara-perkara lain yang dipertanggungjawabkan oleh Lembaga Pengarah.

Jawatankuasa Audit melaksanakan tugas mereka mengikut Bidang Tugas. Aktiviti-aktiviti Jawatankuasa Audit bagi tahun 2013 adalah seperti berikut:-

- (i) Mengkaji dan mencadangkan penyata kewangan Syarikat yang telah diaudit untuk kelulusan Lembaga Pengarah dan juga menekankan isu-isu penting kepada Lembaga Pengarah;
- (ii) Mengkaji pelan audit tahunan Kumpulan Jabatan Audit Dalaman ("GIAD") bagi memastikan skop dan liputan aktiviti-aktiviti Syarikat mencukupi;
- (iii) Mengkaji sumber keperluan GIAD bagi memastikan ia dapat berfungsi dengan cekap dan efektif;
- (iv) Mengkaji laporan audit dalaman Syarikat, cadangan-cadangan audit dan tindakan yang diambil pihak pengurusan terhadap semua cadangan tersebut dan status pelaksanaan cadangan-cadangan tersebut;
- (v) Mengkaji dan menilai prestasi GIAD;
- (vi) Mengkaji pelan audit juruaudit luar dan skop kerja; dan
- (vii) Mengkaji laporan juruaudit luar mengenai audit penyata kewangan berkanun Syarikat.

*Jawatankuasa Pencalonan*

- (i) Untuk meneliti keseluruhan komposisi Lembaga Pengarah berkenaan saiz dan kemahiran ahlinya agar mereka dapat melaksanakan tanggungjawab mereka dengan efektif;
- (ii) Untuk menilai dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah perlantikan calon-calon yang akan dilantik ke Lembaga Pengarah sekiranya ada kekosongan jawatan. Ini termasuklah menilai dan memilih para Pengarah dan Ketua Pengawai Eksekutif untuk perlantikan semula;

**Multi-Purpose Insurans Bhd  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**Urus tadbir Korporat (samb.)**

**(viii) Tanggungjawab Jawatankuasa (samb.)**

*Jawatankuasa Pencalonan (samb.)*

- (iii) Untuk menilai dan mengkaji sumbangan dan keberkesanan Lembaga Pengarah dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka;
- (iv) Untuk meneliti perlantikan dan penilaian prestasi pengawai-pengawai kanan penting dan memastikan bahawa rancangan pengurusan berterusan sentiasa tersedia disebabkan perletakan jawatan dan penyingkiran pegawai-pegawai kanan penting; dan
- (v) Untuk memastikan bahawa ke semua ahli Lembaga Pengarah menjalani program-program latihan yang sesuai.

*Jawatankuasa Penggajian*

Untuk mencadangkan kepada Lembaga Pengarah struktur rangka penggajian termasuk faedah pekerja seperti gaji, caruman kepada pertubuhan keselamatan sosial, cuti tahunan, cuti sakit, bonus dan faedah persaraan untuk para pekerja Syarikat termasuk para Pengarah dan Ketua Pengawai Eksekutif.

*Jawatankuasa Pengurusan Risiko*

- (i) Untuk mengkaji struktur Jawatankuasa Pengurusan Risiko bagi pengurusan risiko kewangan dan risiko bukan kewangan yang efektif dan mengekalkan keberkesanan dan keupayaan pengurusan risiko;
- (ii) Untuk melantik jawatankuasa kerja pengurusan risiko bagi membantu Jawatankuasa Pengurusan Risiko dalam menjalankan kajian tentang keberkesanan sistem pengurusan risiko yang akan dirumuskan, contohnya, proses bagaimana pengurusan risiko boleh dilaksanakan; dan
- (iii) Untuk mengkaji cadangan-cadangan daripada jawatankuasa kerja dan melaporkan cadangan-cadangan tersebut kepada Lembaga Pengarah untuk tindakan susulan.

**Kepentingan Lembaga Pengarah**

Nama-nama para Pengarah Syarikat yang memegang jawatan sejak tarikh laporan yang lepas dan pada tarikh laporan ini ialah:

Tan Sri Dato' Dr Yahya bin Awang  
Dato' Lim Tiong Chin  
Dato' Yogesvaran a/l T Arianayagam  
Kheoh And Yeng  
Datuk Mohd Yusof bin Abd Rahaman

**Multi-Purpose Insurans Bhd  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**Kepentingan Lembaga Pengarah (samb.)**

Menurut daftar pegangan saham, kepentingan para pengarah dalam saham-saham Syarikat dan opsyen saham atau syarikat-syarikat berkaitan pada akhir tahun kewangan adalah seperti berikut:

	Bilangan Saham Biasa pada RM1 setiap satu			
	Pada 27.6.2013	Belian (b)	Jualan	Pada 31.12.2013
<b>Syarikat Induk Muktamad</b>				
<b>MPHB Capital Berhad</b>				
<b>("MPHB Capital") (a)</b>				
<b>Kepentingan Langsung:</b>				
Tan Sri Dato' Dr Yahya bin Awang	-	51,100	-	51,100
Dato' Lim Tiong Chin	-	508,000	-	508,000
Dato' Yogesvaran T.Arianayagam	-	50,000	-	50,000
Kheoh And Yeng	-	300,900	-	300,900
<b>Kepentingan Tidak Langsung:</b>				
Dato' Lim Tiong Chin	-	4,160,000 (c)	-	4,160,000 (c)
Dato' Yogesvaran T.Arianayagam	-	3,000 (d)	-	3,000 (d)

	Bilangan Saham Biasa pada RM1 setiap satu			
	Pada 1.1.2013	Belian	Jualan	Pada 27.6.2013
<b>Bekas Syarikat Induk Muktamad</b>				
<b>Magnum Berhad (a)</b>				
<b>(dahulunya dikenali sebagai Multi-Purpose Holdings Berhad)</b>				
<b>Kepentingan Langsung:</b>				
Tan Sri Dato' Dr Yahya bin Awang	30,000	10,000	-	40,000
Dato' Lim Tiong Chin	1,000,000	-	-	1,000,000
Dato' Yogesvaran T.Arianayagam	100,000	-	-	100,000
Kheoh And Yeng	455,000	20,000	-	475,000
<b>Kepentingan Tidak Langsung:</b>				
Dato' Lim Tiong Chin	8,200,000 (c)	-	-	8,200,000 (c)
Dato' Yogesvaran T.Arianayagam	6,000 (d)	-	-	6,000 (d)

**Multi-Purpose Insurans Bhd  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**Kepentingan Lembaga Pengarah (samb.)**

- (a) Di antara 1.1.2013 hingga 28.3.2013, Magnum Berhad ("Magnum") merupakan syarikat induk muktamad Multi-Purpose Insurans Bhd ("Syarikat"). Pada 29.3.2013, Magnum melupuskan kepentingan ekuitinya dalam Multi-Purpose Capital Holdings Berhad, syarikat induk terdekat Syarikat kepada MPH Capital Berhad ("MPHB Capital"), subsidiari milik penuh Magnum.

Pada 27.6.2013, Magnum lagi mempunyai sebarang kepentingan dalam MPH Capital berikutan selesainya tawaran yang boleh dilepaskan untuk dijual oleh Magnum berjumlah 715,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu dalam MPH Capital mewakili 100% kepentingan ekuiti dalam MPH Capital kepada pemegang saham sedia ada Magnum ("Saham Tawaran"). Dengan ini, Magnum tidak lagi menjadi syarikat induk muktamad Syarikat. Berikutan penjualan tersebut, MPH Capital menjadi syarikat induk muktamad Syarikat pada 27.6.2013.

- (b) Peruntukan saham MPH Capital menurut Tawaran Saham adalah atas dasar 1 Saham Tawaran untuk setiap 2 saham biasa sedia ada bernilai RM1.00 setiap satu yang dipegang dalam Magnum.
- (c) Dianggap mempunyai kepentingan menurut Seksyen 6A (4) Akta Syarikat, 1965 yang dipegang melalui pegangan saham sebanyak lebih 15% dalam Keetinsons Sendirian Berhad dan T.C. Holdings Sendirian Berhad.
- (d) Kepentingan tidak langsung dipegang menerusi Next Generation Sdn Bhd

Selain daripada yang dimaklumkan, pengarah lain yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan tidak mempunyai sebarang kepentingan di dalam saham Syarikat atau syarikat-syarikat berkaitan di sepanjang tahun kewangan.

**Manfaat Para Pengarah**

Pihak Syarikat tidak terlibat dalam sebarang urusan samada pada akhir tahun kewangan atau pada bila-bila masa sepanjang tahun kewangan, bertujuan membolehkan para Pengarah menerima manfaat menerusi perolehan saham atau debentur Syarikat atau mana-mana badan korporat lain

Sejak akhir tahun kewangan yang lalu dan pada tarikh laporan ini, tiada Pengarah yang menerima atau berhak menerima sebarang manfaat (selain daripada manfaat yang termasuk dalam jumlah ganjaran yang diterima atau akan diterima oleh para Pengarah yang ditunjuk dalam Nota 24 dan 29 kepada penyata kewangan), hasil daripada kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat berkaitan dengan Pengarah atau dengan firma di mana Pengarah merupakan seorang ahli, atau dengan syarikat dimana Pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang ketara.



**Multi-Purpose Insurans Bhd  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**Maklumat Berkanun Lain**

- (a) Sebelum penyata kedudukan kewangan, penyata pendapatan dan penyata pendapatan komprehensif Kumpulan dan Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang wajar:
  - (i) Untuk menentukan bahawa tindakan yang sesuai telah diambil berhubung dengan penghapuskiraan hutang lapuk dan membuat peruntukan bagi hutang ragu, serta berpuas hati bahawa semua hutang lapuk yang dikenal pasti telah dihapuskira dan peruntukan secukupnya telah dibuat bagi rosot nilai; dan
  - (ii) Untuk memastikan bahawa sebarang aset semasa yang mungkin tidak dapat direalisasikan pada nilai yang ditunjukkan dalam rekod-rekod perakaunan dalam urusan biasa perniagaan, telah dikurangkan nilainya kepada nilai yang dijangka boleh direalisasikan.
- (b) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari tentang kewujudan sebarang keadaan yang akan mengakibatkan:
  - (i) jumlah hutang lapuk yang dihapuskira atau jumlah yang diperuntukan bagi hutang ragu dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi secara ketara; dan
  - (ii) nilai aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan.
- (c) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari tentang kewujudan sebarang keadaan yang akan menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian aset atau liabiliti Kumpulan dan Syarikat yang sedia ada mengelirukan atau tidak bersesuaian.
- (d) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari tentang sebarang keadaan yang tidak diambilkira di dalam laporan ini atau penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, yang akan menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan mengelirukan.
- (e) Pada tarikh laporan ini, tidak terdapat:
  - (i) Sebarang cagaran ke atas aset Kumpulan dan Syarikat yang wujud sejak akhir tahun kewangan sebagai jaminan untuk liabiliti pihak lain; dan
  - (ii) Sebarang liabiliti luar jangka Kumpulan dan Syarikat yang wujud sejak akhir tahun kewangan

**Multi-Purpose Insurans Bhd  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**Maklumat Berkanun Lain (samb.)**

(f) Pada pendapat para Pengarah:

- (i) tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti-liabiliti lain Kumpulan dan Syarikat yang berkuatkuasa atau mungkin dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan dari akhir tahun kewangan, yang akan atau mungkin menjejaskan keupayaan Kumpulan dan Syarikat untuk menunaikan tanggungannya apabila tiba masanya kelak. Bagi tujuan perenggan (e) (ii) dan (f) (i), liabiliti luar jangka atau liabiliti-liabiliti lain tidak termasuk liabiliti yang berpunca daripada kontrak pengunderaitan insurans dalam urusan biasa Kumpulan dan Syarikat; dan
- (ii) tiada sebarang perkara, urusan atau peristiwa penting dan luar biasa berlaku dalam tempoh di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini, yang dijangka boleh menjejaskan dengan ketara keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan yang dirangkumi oleh laporan ini.

(g) Sebelum penyata kedudukan kewangan, penyata pendapatan dan penyata pendapatan komprehensif disediakan, para pengarah mengambil langkah-langkah yang wajar untuk menentukan penilaian peruntukan yang mencukupi bagi liabiliti insurans menurut kaedah Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia untuk para penanggung insurans.

**Juruaudit**

Juruaudit Ernst & Young, menyatakan kesediaan mereka untuk terus berkhidmat.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi para Pengarah pada 27 Mac 2014.

Tan Sri Dato' Dr Yahya bin Awang

Kheoh And Yeng

14730-X

**Multi-Purpose Insurans Bhd  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**Penyata Pengarah  
Selaras Dengan Seksyen 169(16) Akta Syarikat, 1965**

Kami, Tan Sri Dato' Dr Yahya bin Awang dan Kheoh And Yeng, dua Pengarah Multi-Purpose Insurans Bhd, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat para Pengarah, penyata kewangan syarikat seperti yang dibentangkan dalam muka surat 14 hingga 102 telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2013 dan prestasi kewangannya serta aliran tunai bagi tahun kewangan yang berakhir.

Ditandatangani menurut resolusi Lembaga Pengarah pada 27 Mac 2014.

Tan Sri Dato' Dr Yahya bin Awang

Kheoh And Yeng

**Akuan Berkanun  
Menurut Seksyen 169(16) Akta Syarikat, 1965**

Saya, Liew Yaw Lian, pegawai yang terutamanya bertanggungjawab ke-atas pengurusan kewangan Multi-Purpose Insurans Bhd, sesungguhnya dan seikhlasnya mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan dalam muka surat 14 hingga 102 adalah pada pendapat saya betul, dan saya membuat akuan ini dengan sesungguhnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya  
oleh  
penama Liew Yaw Lian  
di Kuala Lumpur pada 27 Mac 2014.

Liew Yaw Lian

Di hadapan saya,

**14730-X**

**Laporan juruaudit bebas kepada ahli  
Multi-Purpose Insurans Bhd  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**Laporan mengenai penyata kewangan**

Kami telah mengaudit penyata kewangan Multi-Purpose Insurans Bhd, yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2013, dan penyata pendapatan, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir berkenaan, dan ringkasan dasar perakaunan penting serta nota nota penjelasan lain, seperti ditunjukkan pada halaman 14 hingga 102 .

***Tanggungjawab para pengarah ke atas penyata kewangan***

Para pengarah Syarikat bertanggungjawab ke atas penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang adil menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia. Para pengarah juga bertanggungjawab bagi menentukan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

***Tanggungjawab juruaudit***

Tanggungjawab kami adalah menyatakan pendapat tentang penyata kewangan ini berdasarkan pengauditan kami. Kami menjalankan pengauditan kami berdasarkan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut mewajibkan kami untuk mematuhi keperluan etika dan merancang serta menjalankan pengauditan untuk mendapat kepastian sewajarnya sama ada penyata kewangan ini bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan ini melibatkan pelaksanaan prosedur untuk mendapatkan bukti pengauditan tentang jumlah dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko ke atas kesilapan yang material dalam penyata kewangan, tidak kira akibat penipuan ataupun kesilapan. Semasa penilaian risiko itu, kami mempertimbangkan kawalan dalaman yang relevan dengan penyediaan penyata kewangan Syarikat yang adil dan saksama untuk merangka prosedur pengauditan yang sesuai dengan keadaan, dan bukan untuk tujuan menyatakan pendapat tentang keberkesanan kawalan dalaman Syarikat. Pengauditan juga termasuk penilaian ke atas kesesuaian polisi perakaunan yang digunakan dan kewajaran jangkaan perakaunan yang dilakukan oleh para Pengarah dan penilaian pembentangan penyata kewangan secara keseluruhannya.

Kami percaya bahawa bukti pengauditan yang kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai untuk memberi asas yang munasabah untuk pendapat audit kami.

**14730-X**

**Laporan juruaudit bebas kepada ahli  
Multi-Purpose Insurans Bhd (samb.)  
(Diperbadankan di Malaysia)**

*Pendapat*

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia dan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia untuk memberikan pandangan yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2013 dan juga prestasi kewangan dan aliran tunainya bagi tahun berakhir tersebut.

**Laporan tentang keperluan perundangan dan pengawalan lain**

Menurut keperluan dalam Akta Syarikat, 1965 di Malaysia, kami juga membuat laporan ke atas

- (a) Pada pendapat kami, rekod-rekod perakaunan dan lain-lain serta daftar-daftar yang diperlukan oleh Akta telah disimpan oleh Syarikat dengan baik menurut peruntukan Akta.
- (b) Kami telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi subsidiari di mana kami tidak bertindak sebagai juruaudit, yang dinyatakan dalam Nota 6 kepada penyata kewangan, iaitu penyata kewangan yang telah dimasukkan ke dalam penyata kewangan yang disatukan
- (c) Kami berpuas hati bahawa penyata kewangan subsidiari tersebut yang telah disatukan dengan penyata kewangan Syarikat adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan yang disatukan dan kami telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan bagi tujuan tersebut.
- (d) Laporan juruaudit ke atas penyata kewangan subsidiari tersebut tidak tertakluk kepada sebarang syarat dan tidak mengandungi sebarang ulasan yang perlu dibuat selaras dengan Seksyen 174 (3) Akta tersebut.

**14730-X**

**Laporan juruaudit bebas kepada ahli  
Multi-Purpose Insurans Bhd (samb.)  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**Perkara-perkara lain**

Laporan ini hanya disediakan untuk ahli-ahli Syarikat, sebagai satu perbadanan, menurut Seksyen 174 dalam Akta Syarikat, 1965 di Malaysia dan bukannya untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada pihak-pihak lain bagi kandungan laporan ini.

Ernst & Young  
AF: 0039  
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia  
27 Mac 2014

Yeo Beng Yean  
No. 3013/10/14(J)  
Akauntan Bertauliah

**Multi-Purpose Insurans Bhd**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN**  
**PADA 31 DISEMBER 2013**

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
<b>ASET</b>					
Hartanah dan peralatan	3	6,458	8,683	6,458	8,683
Hartanah pelaburan	4	6,509	5,739	6,509	5,739
Aset tidak ketara	5	1,782	1,435	1,782	1,435
Sekuriti pelaburan	6	635,984	589,367	636,790	589,499
Pinjaman	7	17	38	17	38
Aset insurans semula	8	411,529	358,727	411,529	358,727
Penghutang insurans	9	138,956	107,901	138,956	107,901
Penghutang lain	10	58,455	29,281	56,366	27,917
Cukai boleh pulih		1,733	-	1,733	-
Tunai dan baki bank	11	8,738	8,477	8,713	8,456
<b>Jumlah aset</b>		<b>1,270,161</b>	<b>1,109,648</b>	<b>1,268,853</b>	<b>1,108,395</b>
<b>EKUITI DAN LIABILITI</b>					
Modal saham	12	100,000	100,000	100,000	100,000
Premium saham		200	200	200	200
Perolehan tertahan	13	194,227	162,064	192,083	160,059
Rizab nilai saksama	13	5,934	10,134	8,078	12,126
Ekuiti pemegang saham		<b>300,361</b>	<b>272,398</b>	<b>300,361</b>	<b>272,385</b>
Kepentingan bukan kawalan		1,216	1,163	-	-
<b>Jumlah ekuiti</b>		<b>301,577</b>	<b>273,561</b>	<b>300,361</b>	<b>272,385</b>
Liabiliti kontrak insurans	14	816,204	703,003	816,204	703,003
Pemiutang insurans	15	113,386	76,613	113,386	76,613
Cukai belum bayar		-	4,540	-	4,540
Liabiliti cukai tertunda	16	2,791	3,387	2,791	3,387
Pemiutang lain	17	36,203	48,544	36,111	48,467
<b>Jumlah liabiliti</b>		<b>968,584</b>	<b>836,087</b>	<b>968,492</b>	<b>836,010</b>
<b>JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI</b>		<b>1,270,161</b>	<b>1,109,648</b>	<b>1,268,853</b>	<b>1,108,395</b>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

**Multi-Purpose Insurans Bhd**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN KEWANGAN**  
**BERAKHIR 31 DISEMBER 2013**

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
Premium terperoleh kasar		484,639	474,274	484,639	474,274
Premium diserahkan kepada penanggung insurans semula		(204,739)	(227,055)	(204,739)	(227,055)
<b>Premium terperoleh bersih</b>	18	<u>279,900</u>	<u>247,219</u>	<u>279,900</u>	<u>247,219</u>
Pendapatan pelaburan	19	26,046	22,330	26,353	24,589
Perolehan direalisasi	20	8,488	9,777	7,888	7,245
Pendapatan yuran dan komisen	21	48,442	52,342	48,442	52,342
Pendapatan lain bersih	22	11,244	14,498	11,348	14,211
<b>Hasil lain</b>		<u>94,220</u>	<u>98,947</u>	<u>94,031</u>	<u>98,387</u>
Tuntutan kasar dibayar	23	(201,129)	(173,795)	(201,129)	(173,795)
Tuntutan diserahkan kepada penanggung insurans semula	23	64,920	54,203	64,920	54,203
Perubahan kasar dalam liabiliti kontrak	23	(40,330)	(14,665)	(40,330)	(14,665)
Perubahan dalam liabiliti kontrak diserahkan kepada penanggung insurans semula	23	8,723	(13,691)	8,723	(13,691)
<b>Tuntutan bersih ditanggung</b>		<u>(167,816)</u>	<u>(147,948)</u>	<u>(167,816)</u>	<u>(147,948)</u>
Perbelanjaan yuran dan komisen		(80,160)	(79,780)	(80,160)	(79,780)
Perbelanjaan pengurusan	24	(67,408)	(57,885)	(67,410)	(57,862)
<b>Perbelanjaan lain</b>		<u>(147,568)</u>	<u>(137,665)</u>	<u>(147,570)</u>	<u>(137,642)</u>
<b>Keuntungan sebelum cukai</b>		58,736	60,553	58,545	60,016
Cukai	25	(6,521)	(13,020)	(6,521)	(13,020)
<b>Keuntungan bersih bagi tahun semasa</b>		<u>52,215</u>	<u>47,533</u>	<u>52,024</u>	<u>46,996</u>
<b>Perolehan sesaham (sen)</b>					
Asas dan dicairkan	26	<u>52.2</u>	<u>47.5</u>	<u>52.0</u>	<u>47.0</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.



**Multi-Purpose Insurans Bhd**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI**  
**TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013**

	Kumpulan		Syarikat	
	2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
<b>Keuntungan bersih bagi tahun semasa</b>	52,215	47,533	52,024	46,996
<b>Pendapatan komprehensif lain:</b>				
<b>Item yang akan atau mungkin akan diklasifikasikan seterusnya kepada keuntungan atau kerugian</b>				
Rizab nilai saksama				
Perolehan bersih timbul pada tahun semasa	3,974	13,193	3,526	13,977
Perolehan terealisasi bersih dipindahkan ke penyata pendapatan	(8,488)	(9,777)	(7,888)	(7,245)
	<u>(4,514)</u>	<u>3,416</u>	<u>(4,362)</u>	<u>6,732</u>
Kesan cukai	314	(1,166)	314	(1,166)
	<u>(4,200)</u>	<u>2,250</u>	<u>(4,048)</u>	<u>5,566</u>
<b>Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa</b>	<u>48,015</u>	<u>49,783</u>	<u>47,976</u>	<u>52,562</u>
<b>Keuntungan milik:</b>				
Syarikat induk muktamad	52,163	47,470	52,024	46,996
Kepentingan bukan kawalan	52	63	-	-
	<u>52,215</u>	<u>47,533</u>	<u>52,024</u>	<u>46,996</u>
<b>Jumlah pendapatan komprehensif milik:</b>				
Syarikat induk muktamad	47,976	49,724	47,976	52,562
Kepentingan bukan kawalan	39	59	-	-
	<u>48,015</u>	<u>49,783</u>	<u>47,976</u>	<u>52,562</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

**Multi-Purpose Insurans Bhd  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI BAGI TAHUN  
KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013**

Kumpulan	Tidak Boleh Diagih		Boleh Diagih		Kepentingan Bukan Kawalan RM'000	Jumlah RM'000
	Modal saham RM'000	Premium saham RM'000	Rizab nilai saksama RM'000	Perolehan tertahan RM'000		
<b>Pada 1 Januari 2012</b>	100,000	200	7,884	114,594	1,070	223,748
Rizab nilai saksama						
Perolehan bersih dalam tahun	-	-	12,027	-	-	12,027
Perolehan bersih direalisasi dipindahkan ke penyata pendapatan	-	-	(9,777)	-	-	(9,777)
Jumlah pendapatan komprehensif lain bagi tahun	-	-	2,250	-	-	2,250
Keuntungan bagi tahun	-	-	-	47,470	63	47,533
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun	-	-	2,250	47,470	63	49,783
Pengagihan dalam tahun	-	-	-	-	(60)	(60)
Penciptaan unit	-	-	-	-	90	90
<b>Pada 31 Disember 2012</b>	<b>100,000</b>	<b>200</b>	<b>10,134</b>	<b>162,064</b>	<b>1,163</b>	<b>273,561</b>
<b>Pada 1 Januari 2013</b>	<b>100,000</b>	<b>200</b>	<b>10,134</b>	<b>162,064</b>	<b>1,163</b>	<b>273,561</b>
Rizab nilai saksama						
Perolehan bersih dalam tahun	-	-	4,288	-	-	4,288
Perolehan bersih direalisasi dipindahkan ke penyata pendapatan	-	-	(8,488)	-	-	(8,488)
Jumlah pendapatan komprehensif lain bagi tahun	-	-	(4,200)	-	-	(4,200)
Keuntungan bagi tahun	-	-	-	52,163	52	52,215
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun	-	-	(4,200)	52,163	52	48,015
Pengagihan dalam tahun	-	-	-	-	(50)	(50)
Dividen dibayar bagi tahun (Nota 30)	-	-	-	(20,000)	-	(20,000)
Penciptaan unit	-	-	-	-	51	51
<b>Pada 31 Disember 2013</b>	<b>100,000</b>	<b>200</b>	<b>5,934</b>	<b>194,227</b>	<b>1,216</b>	<b>301,577</b>

  

Syarikat	Tidak Boleh Diagih		Boleh Diagih		Jumlah RM'000
	Modal saham RM'000	Premium saham RM'000	Rizab nilai saksama RM'000	Perolehan tertahan RM'000	
<b>Pada 1 Januari 2012</b>	100,000	200	6,560	113,063	219,823
Rizab nilai saksama					
Perolehan bersih dalam tahun	-	-	12,811	-	12,811
Perolehan bersih direalisasi dipindahkan ke penyata pendapatan	-	-	(7,245)	-	(7,245)
Jumlah pendapatan komprehensif lain bagi tahun	-	-	5,566	-	5,566
Keuntungan bagi tahun	-	-	-	46,996	46,996
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun	-	-	5,566	46,996	52,562
<b>Pada 31 Disember 2012</b>	<b>100,000</b>	<b>200</b>	<b>12,126</b>	<b>160,059</b>	<b>272,385</b>
<b>Pada 1 Januari 2013</b>	<b>100,000</b>	<b>200</b>	<b>12,126</b>	<b>160,059</b>	<b>272,385</b>
Rizab nilai saksama					
Perolehan bersih dalam tahun	-	-	3,840	-	3,840
Perolehan bersih direalisasi dipindahkan ke penyata pendapatan	-	-	(7,888)	-	(7,888)
Jumlah pendapatan komprehensif lain bagi tahun	-	-	(4,048)	-	(4,048)
Keuntungan bagi tahun	-	-	-	52,024	52,024
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun	-	-	(4,048)	52,024	47,976
Dividen dibayar bagi tahun (Nota 30)	-	-	-	(20,000)	(20,000)
<b>Pada 31 Disember 2013</b>	<b>100,000</b>	<b>200</b>	<b>8,078</b>	<b>192,083</b>	<b>300,361</b>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

**Multi-Purpose Insurans Bhd**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN KEWANGAN**  
**BERAKHIR 31 DISEMBER 2013**

	Kumpulan		Syarikat	
	2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
<b>Aliran tunai daripada aktiviti kendalian</b>				
Keuntungan sebelum cukai	58,736	60,553	58,545	60,016
Pelarasan untuk:				
Pendapatan pelaburan	(25,901)	(22,316)	(26,208)	(24,575)
Perolehan terealisasi dicatatkan dalam keuntungan atau kerugian	(8,488)	(9,777)	(7,888)	(7,245)
Perolehan daripada pelupusan hartanah pelaburan	-	(1,876)	-	(1,876)
Rosot-nilai hartanah dan peralatan	1,173	1,356	1,173	1,356
(Perolehan)/kerugian daripada pelupusan hartanah dan peralatan	(120)	6	(120)	6
Rosot-nilai hartanah pelaburan	50	-	50	-
Pelunasan aset tidak ketara	497	326	497	326
Hartanah dan kelengkapan dihapus kira	2,204	-	2,204	-
Kerugian susut nilai daripada aset kewangan AFS	280	266	155	266
Pelunasan premium	7	6	7	6
Peruntukan/(masuk kira) bagi susut nilai	3,517	(508)	3,517	(508)
Hutang lapuk dihapus kira	7	741	7	741
Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja	31,962	28,777	31,939	28,513
Peningkatan/(pengurangan) dalam LAR	1,040	(106,883)	(37,470)	(68,759)
Peningkatan dalam aset insurans semula	(52,802)	(1,673)	(52,802)	(1,673)
Peningkatan dalam penghutang insurans (Peningkatan)/pengurangan dalam penghutang lain	(22,120)	2,793	(22,120)	2,793
Peningkatan dalam liabiliti kontrak insurans	113,201	45,776	113,201	45,776
Peningkatan dalam pemiutang insurans (Pengurangan)/peningkatan dalam pemiutang lain	36,773	24,896	36,773	24,896
	(12,341)	18,652	(12,355)	18,635
	61,135	(1,078)	22,587	36,765
Pendapatan dividen diterima	3,365	2,286	3,365	2,286
Pendapatan faedah diterima	8,593	10,179	9,625	12,181
Cukai pendapatan dibayar	(12,700)	(10,269)	(12,700)	(10,269)
Aliran tunai bersih dijana daripada aktiviti kendalian	60,393	1,118	22,877	40,963

**Multi-Purpose Insurans Bhd**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN KEWANGAN**  
**BERAKHIR 31 DISEMBER 2013 (samb.)**

	Kumpulan		Syarikat	
	2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
<b>Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan</b>				
Perolehan daripada pelupusan hartanah dan peralatan	120	2	120	2
Perolehan daripada penjualan hartanah pelaburan	(1,191)	(3,792)	(1,191)	(3,792)
Pembelian aset tidak ketara	(805)	(1,162)	(805)	(1,162)
Pembelian hartanah pelaburan	(820)	(3,512)	(820)	(3,512)
Pembelian aset kewangan AFS	(268,695)	(287,309)	(81,925)	(173,145)
Perolehan daripada penjualan hartanah pelaburan	-	3,970	-	3,970
Perolehan daripada penjualan aset kewangan AFS	155,631	261,722	82,001	135,065
Penebusan sekuriti pendapatan tetap dalam aktiviti pelaburan	75,627	27,326	-	-
	<u>(40,133)</u>	<u>(2,755)</u>	<u>(2,620)</u>	<u>(42,574)</u>
<b>Aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan</b>				
Dividen dibayar kepada syarikat induk muktamad	(20,000)	-	(20,000)	-
Perolehan daripada langganan saham	51	90	-	-
Pengagihan kepada pemegang unit saham	(50)	(60)	-	-
Aliran tunai (digunakan dalam)/dijana daripada aktiviti pembiayaan	<u>(19,999)</u>	<u>30</u>	<u>(20,000)</u>	<u>-</u>
<b>Peningkatan/(pengurangan) bersih dalam tunai dan baki bank</b>	261	(1,607)	257	(1,611)
<b>Tunai dan baki bank pada awal tahun</b>	<u>8,477</u>	<u>10,084</u>	<u>8,456</u>	<u>10,067</u>
<b>Tunai dan baki bank pada akhir tahun (Nota 11)</b>	<u>8,738</u>	<u>8,477</u>	<u>8,713</u>	<u>8,456</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

**Multi-Purpose Insurans Bhd  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2013**

**1 MAKLUMAT KORPORAT**

Syarikat ialah sebuah syarikat awam liabiliti terhad, yang diperbadankan dan bermastautin di Malaysia. Tempat perniagaan utama Syarikat terletak di Aras 8, Menara Multi-Purpose, Capital Square, No. 8, Jalan Munshi Abdullah, 50100 Kuala Lumpur.

Di antara 1.1.2013 hingga 28.3.2013, Magnum Berhad ("Magnum") merupakan syarikat induk muktamad Multi-Purpose Insurans Bhd ("Syarikat"). Pada 29.3.2013, Magnum melupuskan kepentingan ekuitinya dalam Multi-Purpose Capital Holdings Berhad, syarikat induk terdekat Syarikat kepada MPH Capital Berhad ("MPH Capital"), subsidiari milik penuh Magnum.

Pada 27.6.2013, Magnum lagi mempunyai sebarang kepentingan dalam MPH Capital berikutan selesainya tawaran yang boleh dilepaskan untuk dijual oleh Magnum berjumlah 715,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu dalam MPH Capital mewakili 100% kepentingan ekuiti dalam MPH Capital kepada pemegang saham sedia ada Magnum ("Saham Tawaran"). Dengan ini, Magnum tidak lagi menjadi syarikat induk muktamad Syarikat. Berikutan penjualan tersebut, MPH Capital menjadi syarikat induk muktamad Syarikat pada 27.6.2013.

Syarikat induk dan syarikat induk muktamad Syarikat adalah Multi-Purpose Capital Holdings Berhad dan MPH Capital Berhad masing-masing, kedua-duanya diperbadankan di Malaysia. MPH Capital Berhad disenaraikan di Bursa Saham Malaysia

Aktiviti utama Syarikat adalah penajajaminan semua kelas perniagaan insurans am. Aktiviti utama syarikat subsidiari dinyatakan dalam Nota 6 kepada penyata kewangan. Tiada perubahan ketara yang berlaku terhadap aktiviti tersebut sepanjang tahun kewangan.

Penyata kewangan telah diluluskan bagi penerbitan oleh Lembaga Pengarah menurut resolusi para Pengarah pada 27 Mac 2014.

**2 DASAR PERAKAUNAN PENTING**

**2.1 Asas penyediaan**

Penyata kewangan Syarikat telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS") dan keperluan Akta Syarikat 1965 di Malaysia.

Dasar-dasar perakaunan yang dinyatakan dalam Nota 2.4 telah digunakan dalam penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

**Multi-Purpose Insurans Bhd  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**2 DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)**

**2.1 Asas penyediaan (samb.)**

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat juga disediakan mengikut dasar kos sejarah kecuali penyata kewangan yang diukur pada nilai saksama dan liabiliti insurans yang diukur menurut kaedah penilaian yang dispesifikasikan dalam Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko ("Rangka Kerja RBC") yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM") bagi penanggung insurans.

Penyata kewangan dikemukakan dalam Ringgit Malaysia ("RM") dan kesemua nilai digenapkan kepada ribu terdekat (RM'000) kecuali dinyatakan sebaliknya.

**2.2 Perubahan dalam dasar-dasar perakaunan**

Dasar-dasar perakaunan yang diterima pakai adalah konsisten dengan tahun kewangan sebelumnya kecuali seperti berikut:

Pada 1 Januari 2013, Kumpulan dan Syarikat telah menerima pakai pindaan serta syarat-syarat terbaru MFRS dan Tafsiran IC yang merupakan mandatori bagi tempoh kewangan tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2013.

	Berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas
Pindaan kepada MFRS 101: Pembentangan Perkara-perkara Pendapatan Komprehensif Lain	1 Julai 2012
MFRS 3 Kombinasi Perniagaan (IFRS 3 Kombinasi Perniagaan terbitan IASB pada Mac 2004)	1 Januari 2013
MFRS 127 Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan (IAS 27 sebagaimana disemak semula oleh IASB pada Disember 2003)	1 Januari 2013
MFRS 10 Penyata Kewangan Kesatuan	1 Januari 2013
MFRS 11 Persetujuan Bersama	1 Januari 2013
MFRS 12 Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain	1 Januari 2013
MFRS 13 Pengukuran Nilai Saksama	1 Januari 2013
MFRS 119 Manfaat Pekerja (IAS 19 sebagaimana yang telah dipinda oleh IASB pada Jun 2011)	1 Januari 2013
MFRS 127 Penyata Kewangan Berasingan (IAS 27 sebagaimana yang telah dipinda oleh IASB pada Mei 2011)	1 Januari 2013
MFRS 128 Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usahasama (IAS 28 sebagaimana yang telah dipinda oleh IASB pada Mei 2011)	1 Januari 2013
Tafsiran IC 20 Kos Penarahan dalam Fasa Pengeluaran Permukaan Lombong	1 Januari 2013
Pindaan kepada MFRS 7 Pendedahan - Imbangan Aset Kewangan dan Liabiliti Kewangan	1 Januari 2013

## **2 DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)**

### **2.2 Perubahan dalam dasar-dasar perakaunan (samb.)**

	Berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas
Peningkatan Tahunan Kitaran 2009-2011	1 Januari 2013
Tafsiran IC 20 Kos Penarahan dalam Fasa Pengeluaran Permukaan Lombong	1 Januari 2013
Pindaan kepada MFRS 7 Pendedahan - Imbangan Aset Kewangan dan Liabiliti Kewangan	1 Januari 2013
Peningkatan Tahunan Kitaran 2009-2011	1 Januari 2013
Pindaan kepada MFRS 1: Pinjaman Kerajaan	1 Januari 2013
Pindaan kepada MFRS 10, MFRS 11 dan MFRS 12: Penyata Kewangan Disatukan, Pengaturan Bersama, Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain: Panduan Peralihan	1 Januari 2013

Penerimaan pakai piawaian dan tafsiran di atas tidak mempunyai sebarang kesan ke atas prestasi kewangan atau kedudukan Kumpulan dan Syarikat kecuali yang dinyatakan di bawah:

#### **MFRS 10 Penyata Kewangan Disatukan**

MFRS 10 menggantikan sebahagian daripada MFRS 127 Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan yang berurusan dengan penyata kewangan disatukan dan Tafsiran IC 112 Penyatuan - Entiti Tujuan Khas.

Menurut MFRS 10, pelabur mengawal penerima pelaburan apabila (a) pelabur mempunyai kuasa ke atas penerima pelaburan, (b) pelabur mempunyai pendedahan, atau hak, kepada pulangan pelbagai daripada pelaburannya, dan (c) pelabur mempunyai keupayaan menggunakan kuasanya ke atas penerima pelaburan untuk mempengaruhi jumlah pulangan pelabur. Menurut MFRS 127 Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan, kawalan ditakrifkan sebagai kuasa untuk mentadbir dasar kewangan dan operasi sesebuah entiti untuk memperolehi manfaat daripada aktiviti-aktivitinya.

MFRS 10 termasuk panduan terperinci menerangkan keadaan di mana pelabur memiliki kurang daripada 50% hak mengundi terhadap penerima pelaburan mempunyai kawalan ke atas pelaburannya. MFRS 10 memerlukan pelabur untuk mengambil kira semua fakta-fakta yang relevan dan keadaan, khususnya jumlah pemegang hak mengundi berbanding dengan jumlah dan penyebaran pegangan pemegang hak mengundi lain. Pengguna pakaian MFRS 10 mempunyai kesan ke atas perakaunan bagi pelaburan Syarikat di dalam Opus Institutional Income Fund 2 ("Dana"), yang ditetapkan oleh Syarikat sebagai pelaburan di dalam dana amanah amanah.

**Multi-Purpose Insurans Bhd**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**2 DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)**

**2.2 Perubahan dalam dasar-dasar perakaunan (samb.)**

**MFRS 10 Penyata Kewangan Disatukan (samb.)**

Pada 31 Disember 2013, Syarikat memiliki 99.51% daripada Dana dengan baki 0.49% dipegang oleh pelabur yang berkaitan. Oleh itu, selaras dengan pematuhan MFRS 10, penyata kewangan Kumpulan kini merangkumi dana yang telah disatukan dengan Syarikat. Sebelum ini, tiada penyata kewangan yang disatukan dibentangkan.

Perubahan pada dasar perakaunan bagi pelaburan di dalam Dana telah digunakan selaras dengan peruntukan peralihan yang berkaitan sebagaimana yang dinyatakan dalam MFRS 10. Memandangkan MFRS 10 berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2013, tiada penyata kewangan Kumpulan dibentangkan pada tahun sebelumnya.

- (i) Kesan penggunaan piawaian baru di atas ke atas aset dan ekuiti bersih Kumpulan pada 31 Disember 2012.

	Syarikat	Pelarasan	Kumpulan
	31.12.2012	MFRS 10	31.12.2012
	RM'000	RM'000	RM'000
<b>ASET</b>			
Hartanah dan peralatan	8,683	-	8,683
Hartanah pelaburan	5,739	-	5,739
Aset tidak ketara	1,435	-	1,435
Sekuriti pelaburan	589,499	(132)	589,367
Pinjaman	38	-	38
Aset reinsurans	358,727	-	358,727
Penghutang insurans	107,901	-	107,901
Penghutang lain	27,917	1,364	29,281
Cukai boleh pulih	-	-	-
Baki tunai dan bank	8,456	21	8,477
<b>Jumlah aset</b>	<b>1,108,395</b>	<b>1,253</b>	<b>1,109,648</b>
<b>EKUITI</b>			
Modal saham	100,000	-	100,000
Premium saham	200	-	200
Keuntungan tertahan	160,059	2,005	162,064
Rizab nilai saksama	12,126	(1,992)	10,134
Kepentingan luar kawalan	-	1,163	1,163
<b>JUMLAH EKUITI</b>	<b>272,385</b>	<b>1,176</b>	<b>273,561</b>



**Multi-Purpose Insurans Bhd**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**2 DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)**

**2.2 Perubahan dalam dasar-dasar perakaunan (samb.)**

**MFRS 10 Penyata Kewangan Disatukan (samb.)**

	Syarikat 31.12.2012 RM'000	Pelarasan MFRS 10 RM'000	Kumpulan 31.12.2012 RM'000
<b>LIABILITI</b>			
Liabiliti kontrak insurans	703,003	-	703,003
Pemiutang insurans	76,613	-	76,613
Cukai belum bayar	4,540	-	4,540
Liabiliti cukai tertunda	3,387	-	3,387
Pemiutang lain	48,467	77	48,544
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	<b>836,010</b>	<b>77</b>	<b>836,087</b>
<b>JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI</b>	<b>1,108,395</b>	<b>1,253</b>	<b>1,109,648</b>

- (ii) Kesan penggunaan piawai baru di atas ke atas penyata pendapatan Kumpulan pada 31 Disember 2012.

	Syarikat 31.12.2012 RM'000	Pelarasan MFRS 10 RM'000	Kumpulan 31.12.2012 RM'000
Premium terperoleh kasar	474,274	-	474,274
Premium diserahkan kepada penanggung insurans semula	(227,055)	-	(227,055)
<b>Premium terperoleh bersih</b>	<b>247,219</b>	<b>-</b>	<b>247,219</b>
Pendapatan pelaburan	24,589	(2,259)	22,330
Perolehan direalisasi	7,245	2,532	9,777
Pendapatan yuran dan komisen	52,342	-	52,342
Pendapatan lain bersih	14,211	287	14,498
<b>Hasil lain</b>	<b>98,387</b>	<b>560</b>	<b>98,947</b>
Tuntutan kasar dibayar	(173,795)	-	(173,795)
Tuntutan diserahkan kepada penanggung insurans semula	54,203	-	54,203
Perubahan kasar dalam liabiliti kontrak	(14,665)	-	(14,665)
Perubahan dalam liabiliti kontrak diserahkan kepada penanggung insurans semula	(13,691)	-	(13,691)
<b>Tuntutan bersih ditanggung</b>	<b>(147,948)</b>	<b>-</b>	<b>(147,948)</b>
Perbelanjaan yuran dan komisen	(79,780)	-	(79,780)
Perbelanjaan pengurusan	(57,862)	(23)	(57,885)
<b>Perbelanjaan lain</b>	<b>(137,642)</b>	<b>(23)</b>	<b>(137,665)</b>
<b>Keuntungan sebelum cukai</b>	<b>60,016</b>	<b>537</b>	<b>60,553</b>
Cukai	(13,020)	-	(13,020)
<b>Keuntungan bersih bagi tahun semasa</b>	<b>46,996</b>	<b>537</b>	<b>47,533</b>

**2 DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)****2.2 Perubahan dalam dasar-dasar perakaunan (samb.)****MFRS 13 Pengukuran Nilai Saksama ("MFRS 13")**

MFRS 13 mewujudkan satu sumber tunggal panduan di bawah MFRS bagi semua ukuran nilai saksama. MFRS 13 tidak berubah apabila entiti perlu menggunakan nilai saksama dan menyediakan panduan mengenai bagaimana untuk mengukur nilai saksama di bawah MFRS. MFRS 13 mentakrifkan nilai saksama sebagai harga keluar. Hasil daripada panduan di dalam MFRS 13, Kumpulan telah menilai semula dasar-dasarnya untuk mengukur nilai saksama, khususnya, input penilaiannya seperti risiko bukan prestasi bagi pengukuran nilai saksama liabiliti. MFRS 13 juga memerlukan pendedahan tambahan.

Penggunaan MFRS 13 tidak membawa kesan yang ketara ke atas pengukuran nilai saksama bagi Kumpulan dan Syarikat. Pendedahan tambahan, di mana ianya diperlukan, disediakan dalam nota individu yang berkaitan dengan aset dan liabiliti yang mana nilai saksamanya ditentukan.

**Pindaan kepada MFRS 101 Perbentangan Perkara-perkara Pendapatan Komprehensif Lain**

Pindaan kepada MFRS 101 mengubah perkumpulan perkara yang dibentangkan dalam pendapatan komprehensif lain. Item yang boleh dikelaskan semula ("dikitar semula") kepada keuntungan atau kerugian pada masa depan (contohnya, perbezaan pertukaran atas perterjemahan dan kerugian atau keuntungan bersih ke atas aset kewangan sedia untuk dijual) akan dibentangkan secara berasingan daripada item yang tidak pernah dikelaskan semula (sebagai contoh, keuntungan dan kerugian aktuari pada pelan manfaat tertakrif dan penilaian semula tanah dan bangunan). Pindaan ini menjejaskan pembentangan sahaja dan tidak mempunyai kesan ke atas kedudukan kewangan dan prestasi Kumpulan dan Syarikat.

**2.3 Piawaian diterbitkan tetapi belum lagi berkuatkuasa**

Pada tarikh terbitan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, piawaian dan tafsiran berikut telah diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") tetapi belum lagi berkuatkuasa. Kumpulan dan Syarikat bertujuan menggunapakai piawaian dan tafsiran tersebut, sekiranya perlu, apabila ianya mula dikuatkuasakan:

Berkuatkuasa bagi tempoh  
tahunan bermula pada atau  
selepas

Pindaan kepada MFRS 132: Imbangan Aset Kewangan dan Liabiliti Kewangan	1 Januari 2014
Pindaan kepada MFRS 10, MFRS 12 dan MFRS 127: Entiti Pelaburan Pendedahan bagi Aset Bukan Kewangan	1 Januari 2014
Pindaan kepada MFRS 139: Novasi Derivatif dan Penyambungan	1 Januari 2014
Perakaunan Lindung Nilai	1 Januari 2014
Tafsiran IC 21 Levi	1 Januari 2014

**Multi-Purpose Insurans Bhd  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**2 DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)**

**2.3 Piawaian diterbitkan tetapi belum lagi berkuatkuasa (samb.)**

Berkuatkuasa bagi tempoh  
tahunan bermula pada atau  
selepas

Pindaan kepada MFRS 119: Pelan Manfaat Dinyatakan: Caruman Pekerja	1 Julai 2014
Kitaran Peningkatan Tahunan kepada MFRS 2010 – 2012	1 Julai 2014
Kitaran Peningkatan Tahunan kepada MFRS 2011 – 2013	1 Julai 2014
MFRS 9 Instrumen Kewangan (IFRS 9 diterbitkan oleh IASB pada November 2009)	Akan diumumkan
MFRS 9 Instrumen Kewangan (IFRS 9 diterbitkan oleh IASB pada Oktober 2010)	Akan diumumkan
MFRS 9 Instrumen Kewangan: Perakaunan Lindung Nilai dan Pindaan kepada MFRS 9, MFRS 7 dan MFRS 139)	Akan diumumkan

Para pengarah menjangka penerimaan pakai piawaian dan tafsiran di atas tidak akan membawa kesan ketara ke atas penyata kewangan dalam tempoh penggunaan awal kecuali seperti yang dibincangkan di bawah:

**(a) MFRS 9 Instrumen Kewangan**

MFRS 9 mencerminkan pengubahsuaian MFRS 139 dan frasa pertamanya berkaitan kepada klasifikasi dan pengukuran aset kewangan dan liabiliti kewangan sebagaimana yang telah ditakrifkan dalam MFRS 139. Fasa pertama piawaian ini pada mulanya berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2013, tetapi Pindaan kepada Tarikh berkuatkuasa Mandatori MFRS 9 dan Pendedahan Peralihan, yang telah diterbitkan pada Mac 2012 telah mengalihkan tarikh berkuatkuasa efektif kepada 1 Januari 2015. Seterusnya, pada 14 Februari 2014, ianya diumumkan bahawa tarikh berkuatkuasa efektif baru akan ditentukan apabila projek ini hampir siap. Penggunaan fasa pertama MFRS 9 akan mempunyai kesan ke atas klasifikasi dan pengukuran aset kewangan Kumpulan dan Syarikat, tetapi tidak akan memberi kesan kepada klasifikasi dan pengukuran liabiliti kewangan Kumpulan dan Syarikat. Syarikat akan menghitung kesan-kesan piawaian baru ini apabila piawai muktamad bagi kesemua fasa telah diterbitkan.

**Multi-Purpose Insurans Bhd  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**2 DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)**

**2.4 Ringkasan dasar perakaunan penting**

**(a) Asas penyatuan**

Penyata kewangan yang telah disatukan merangkumi penyata kewangan Syarikat dan syarikat subsidiarinya pada tarikh pelaporan. Penyata kewangan syarikat subsidiari yang digunakan di dalam penyediaan penyata kewangan disatukan disediakan bagi tarikh laporan yang sama seperti Syarikat. Dasar-dasar perakaunan yang konsisten digunakan untuk urusanniaga dan peristiwa dalam keadaan yang sama.

Syarikat mengawal penerima pelaburan, sekiranya dan hanya sekiranya, Syarikat memenuhi ke semua yang berikut:

- (i) Kuasa ke atas penerima pelaburan (hak sedia ada yang memberikannya keupayaan semasa untuk mengarahkan kegiatan berkaitan penerima pelaburan);
- (ii) Pendedahan, atau hak, terhadap pelbagai pulangan berpunca daripada pelaburannya dengan penerima pelaburan; dan
- (iii) Keupayaan untuk menggunakan kuasanya ke atas penerima pelaburan untuk mempengaruhi pulangannya.

Apabila Syarikat mempunyai hak mengundi majoriti yang kurang daripada penerima pelaburan, Syarikat akan mempertimbangkan yang berikut dalam menilai sama ada atau tidak hak mengundi Syarikat dalam penerima pelaburan mencukupi bagi memberikannya kuasa ke atas penerima pelaburan:

- (i) Jumlah pemegangan hak mengundi Syarikat berbanding dengan jumlah dan penyebaran pegangan pemegang hak mengundi lain;
- (ii) Potensi hak mengundi yang dipegang oleh Syarikat, pemegang-pemegang undi lain atau pihak-pihak lain;
- (iii) Hak yang timbul daripada perjanjian kontrak yang lain; dan
- (iv) Sebarang fakta tambahan dan situasi yang menunjukkan bahawa Syarikat mempunyai, atau tidak mempunyai, keupayaan semasa untuk mengarahkan kegiatan yang berkaitan pada masa keputusan perlu dibuat, termasuk corak pengundian di mesyuarat pemegang saham sebelumnya.

**Multi-Purpose Insurans Bhd  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**2 DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)**

**2.4 Ringkasan dasar perakaunan penting (samb.)**

**(a) Asas penyatuan (samb.)**

Subsidiari-subsidiari disatukan apabila Syarikat mempunyai kuasa ke atas subsidiari dan tamat apabila Syarikat kehilangan kawalan subsidiari tersebut. Ke semua baki, pendapatan dan perbelanjaan dan keuntungan dan kerugian yang tidak terealisasi di antara kumpulan hasil daripada urusanniaga antara kumpulan dihapuskan sepenuhnya.

Kerugian dalam syarikat subsidiari adalah dikaitkan dengan kepentingan bukan kawalan walaupun ianya menghasilkan baki defisit.

Perubahan dalam kepentingan pemilikan Kumpulan dalam syarikat subsidiari yang tidak mengakibatkan Kumpulan kehilangan kawalan ke atas syarikat subsidiari diambil kira sebagai urusanniaga ekuiti. Amaun dibawa bagi kepentingan Kumpulan dan kepentingan bukan kawalan diselaraskan untuk mencerminkan perubahan dalam kepentingan berkaitan mereka dalam syarikat subsidiari. Perbezaan yang terhasil diiktiraf secara langsung dalam ekuiti dan dikaitkan dengan pemilik Syarikat.

Apabila Kumpulan kehilangan kawalan ke atas subsidiari, keuntungan atau kerugian yang dikira sebagai perbezaan di antara (i) agregat nilai saksama pertimbangan yang diterima dan nilai saksama sebarang faedah terkumpul dan (ii) nilai dibawa sebelum ini bagi aset dan liabiliti syarikat subsidiari dan mana-mana kepentingan bukan kawalan, diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Perolehan atau kerugian terkumpul subsidiari yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dan terkumpul dalam ekuiti dikelaskan semula kepada keuntungan atau kerugian atau jika berkenaan, akan dipindahkan ke keuntungan terkumpul. Nilai saksama bagi mana-mana pelaburan terkumpul dalam bekas syarikat subsidiari tersebut pada tarikh hilang kawalan dianggap sebagai kos pada pengiktirafan awal pelaburan.

**(b) Hartanah dan peralatan dan susut nilai**

Semua perkara hartanah dan peralatan pada mulanya direkodkan pada kos. Kos selanjutnya dimasukkan ke dalam jumlah dibawa asset atau dikira sebagai aset yang berasingan hanya jika faedah ekonomi pada masa hadapan aset itu dimasukkan dalam Kumpulan dan Syarikat dan kos aset itu boleh diukur dengan tepat. Jumlah dibawa untuk bahagian yang diganti tidak lagi diiktiraf. Semua pembaikan dan penyelenggaraan lain dcaj ke dalam penyata keuntungan atau kerugian pada tahun kewangan ianya ditanggung.

## **2 DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)**

### **2.4 Ringkasan dasar perakaunan penting (samb.)**

#### **(b) Hartanah dan peralatan dan susut nilai (samb.)**

Selepas pengiktirafan, hartanah dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul. Dasar pengiktirafan dan pengukuran kerugian rosot nilai adalah sejajar dengan Nota 2.4 (j).

Susut nilai hartanah dan peralatan dihitung pada kadar garis lurus bagi menghapus kira kos setiap aset kepada nilai sisanya ke atas anggaran tempoh hayat kegunaannya. Kerja-kerja sedang dilaksanakan juga tidak dirosot nilai kerana aset ini tidak tersedia untuk digunakan. Apabila kerja-kerja dalam pelaksanaan disiapkan dan aset sedia untuk digunakan, ia diklasifikasikan semula kepada kategori hartanah dan peralatan. Kadar susut nilai tahunan adalah:

Kenderaan bermotor	20%
Peralatan pejabat dan komputer	10 to 20%
Pengubahsuaian, perabot dan lengkapan	10 to 20%
Tanah dan bangunan	2%

Nilai sisa, tempoh hayat berguna dan kaedah susut nilai akan dinilai semula pada setiap akhir tahun kewangan untuk memastikan bahawa jumlah, kaedah dan tempoh susut nilai adalah konsisten dengan anggaran yang lalu dan jangkaan pola penggunaan faedah ekonomi masa hadapan yang terkandung dalam perkara hartanah dan peralatan.

Suatu perkara hartanah dan peralatan tidak diiktiraf selepas pelupusan atau apabila tiada faedah ekonomi masa hadapan dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Jika terdapat perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dengan jumlah dibawa bersih, jumlah itu akan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

#### **(c) Hartanah pelaburan**

Hartanah pelaburan adalah hartanah yang dipegang untuk mendapatkan pendapatan sewa atau untuk peningkatan modal atau kedua-duanya.

Hartanah pelaburan pada mulanya diukur pada kos yang termasuk kos urusniaga berkaitan. Selepas pengiktirafan awal, hartanah pelaburan dinyatakan pada kos tolak sebarang susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul. Dasar susut nilai bagi hartanah pelaburan adalah selaras dengan dasar susut nilai bagi hartanah dan peralatan seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.4 (b).

## **2 DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)**

### **2.4 Ringkasan dasar perakaunan penting (samb.)**

#### **(c) Hartanah pelaburan (samb.)**

Hartanah pelaburan tidak diiktiraf selepas pelupusan atau apabila hartanah pelaburan itu tidak lagi digunakan dan tiada faedah ekonomi masa hadapan dijangka daripada pelupusannya. Sebarang keuntungan atau kerugian atas pelupusan hartanah pelaburan akan diiktiraf dalam penyata pendapatan pada tahun di mana ia berlaku.

#### **(d) Aset tidak ketara**

Aset tidak ketara terdiri daripada perisian aplikasi komputer yang dibeli untuk memenuhi keperluan unik Kumpulan dan Syarikat.

Aset tidak ketara yang dibeli secara berasingan diukur pada pengiktirafan awal pada kos. Berikutan pengiktirafan awal, aset tidak ketara dinyatakan pada kos tolak pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul. Aset tidak ketara yang dijana secara dalaman tidak dipermodalkan dan perbelanjaan ditunjukkan dalam penyata pendapatan dalam tempoh di mana perbelanjaan itu berlaku. Dasar pengiktirafan dan pengukuran kerugian rosot nilai adalah sejajar dengan Nota 2.4 (j).

Tempoh hayat berguna aset tidak ketara dinilai sama ada ia berhayat tetap atau tidak tetap.

Aset tidak ketara dengan hayat tetap akan dilunaskan mengikut hayat penggunaan ekonomi dan dinilai untuk rosot nilai jika terdapat tanda bahawa aset tidak ketara itu mungkin sudah rosot nilai. Tempoh pelunasan dan kaedah pelunasan aset tidak ketara dengan hayat tetap dinilai semula pada setiap akhir tahun kewangan. Perubahan dalam jangkaan hayat berguna atau jangkaan pola penggunaan faedah ekonomi masa hadapan yang terkandung dalam aset diambil kira dengan mengubah tempoh atau kaedah pelunasan dengan sewajarnya dan dianggap sebagai perubahan dalam anggaran perakaunan.

Lesen perisian komputer yang dibeli dipermodalkan berasaskan jumlah kos pembelian dan penggunaan perisian tersebut. Kos tersebut dilunaskan mengikut anggaran tempoh hayat berguna selama lima tahun.

## 2 DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

### 2.4 Ringkasan dasar perakaunan penting (samb.)

#### (d) Aset tidak ketara (samb.)

Kos berkaitan dengan penyelenggaraan program perisian diiktiraf sebagai perbelanjaan semasa ditanggung. Kos yang berkaitan terus dengan produk perisian yang dikenal pasti dan unik di bawah kawalan Kumpulan dan Syarikat, dan kemungkinan besar menghasilkan faedah ekonomi yang melebihi kos menjangkau satu tahun, diiktiraf sebagai aset tidak ketara. Kos merangkumi kos pekerja yang terlibat dalam pembangunan perisian dan bahagian overhead berkaitan yang diperuntukkan. Kos pembangunan perisian komputer diiktiraf sebagai aset dilunaskan dengan menggunakan kaedah garis lurus sepanjang anggaran tempoh hayat berguna yang tidak melebihi lima tahun.

Aset tidak ketara dengan hayat tidak tetap diuji rosot nilainya setiap tahun sama ada secara berasingan atau pada tahap unit penjana tunai. Aset-aset tidak ketara ini tidak dilunaskan. Tempoh hayat berguna aset tidak ketara dengan hayat tidak tetap dinilai semula setiap tahun untuk menentukan sama ada penilaian hayat tidak tetap boleh diteruskan. Jika tidak, perubahan dalam penilaian hayat berguna dari tidak tetap ke tetap dibuat pada dasar prospektif.

Keuntungan atau kerugian yang timbul daripada ketidakiktirafan aset tidak ketara diukur sebagai perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dengan jumlah dibawa aset dan diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila aset itu sudah tidak diiktiraf.

#### (e) Instrumen kewangan

Kumpulan dan Syarikat mengklasifikasikan pelaburannya kepada aset kewangan dipegang hingga matang ("HTM"), aset kewangan tersedia untuk jualan ("AFS") dan pinjaman dan penghutang lain ("LAR").

Pengklasifikasian bergantung pada tujuan pembelian atau pengasalan pelaburan. Pengurusan menentukan pengklasifikasian pelaburan pada awal pengiktirafan dan menilai semulanya pada setiap tarikh laporan. Pada mulanya, Kumpulan dan Syarikat mengiktiraf aset kewangan termasuk tunai dan deposit jangka pendek, pinjaman dan penghutang lain apabila ia menjadi pihak kepada peruntukan perjanjian instrumen.

Semua pembelian dan jualan aset kewangan cara biasa diiktiraf pada tarikh urusniaga, iaitu tarikh Kumpulan dan Syarikat melakukan pembelian atau penjualan aset. Pembelian atau jualan aset kewangan cara biasa memerlukan penghantaran aset dalam tempoh yang biasanya ditentukan oleh perundangan atau amalan biasa di tempat pasaran.



**2 DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)****2.4 Ringkasan dasar perakaunan penting (samb.)****(e) Instrumen kewangan (samb.)*****HTM***

Pelaburan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan dan kematangan tetap diklasifikasikan sebagai HTM apabila Kumpulan dan Syarikat mempunyai niat positif dan kebolehan untuk memegang hingga matang. Pelaburan-pelaburan ini pada awalnya diiktiraf pada kos, sebagai nilai saksama bagi pertimbangan dibayar pembelian pelaburan. Selepas pengukuran awal, pelaburan HTM dikira pada kos dilunaskan, dengan menggunakan kaedah kadar hasil berkesan, tolak peruntukan rosot nilai. Keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila pelaburan tidak lagi diiktiraf atau sudah rosot nilai dan telah melalui proses pelunasan.

Sebarang jualan atau pengelasan semula jumlah pelaburan HTM yang ketara pada tahun kewangan semasa atau dua tahun kewangan yang lalu sebelum ini akan menyebabkan "penjejasan" kepada seluruh portfolio HTM dan mengakibatkan baki sekuriti dalam portfolio HTM dikelaskan semula ke AFS. Oleh kerana pengelasan semula ini, perbezaan di antara jumlah dibawa dan nilai saksama akan diambil kira menurut pengiktirafan pelaburan AFS.

***LAR***

LAR adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Pelaburan-pelaburan ini pada mulanya diiktiraf pada kos, sebagai nilai saksama pertimbangan dibayar untuk pembelian pelaburan ini. Semua kos urusniaga yang terlibat langsung dengan pembelian juga termasuk dalam kos pelaburan. Selepas pengukuran awal, pinjaman dan penghutang diukur pada kos pelunasan, dengan menggunakan kaedah kadar hasil berkesan, tolak peruntukan rosot nilai. Keuntungan dan kerugian diiktiraf di dalam keuntungan atau kerugian apabila pelaburan-pelaburan tidak lagi diiktiraf atau sudah rosot nilai.

Kos pelunasan dikira menggunakan kaedah faedah efektif ditolak sebarang peruntukan rosot nilai dan pembayaran balik prinsipal atau pengurangan. Pengiraan ini mengambil kira sebarang premium atau diskaun daripada pengambilalihan dan merangkumi kos urus niaga dan bayaran yang merupakan sebahagian utama daripada kadar faedah efektif.

## **2 DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)**

### **2.4 Ringkasan dasar perakaunan penting (samb.)**

#### **(e) Instrumen kewangan (samb.)**

##### ***AFS***

AFS adalah pelaburan bukan derivatif yang ditentukan sebagai tersedia untuk jualan atau tidak diklasifikasikan dalam mana-mana dua kategori sebelum ini. Pelaburan-pelaburan ini pada awalnya direkod pada nilai saksama. Selepas pengukuran awal, pelaburan AFS dikira semula pada nilai saksama. Hasil nilai saksama dan kerugian pelaburan dilaporkan sebagai komponen ekuiti berasingan sehingga pelaburan tersebut ditidakiktirafkan atau pelaburan tersebut terjejas. Selepas ketidakiktirafan atau rosot nilai, keuntungan dan kerugian nilai saksama kumulatif yang dilaporkan sebelum ini dalam ekuiti dipindahkan ke dalam keuntungan atau kerugian.

#### **(f) Nilai saksama instrumen kewangan**

Pada mulanya, semua instrumen kewangan diiktiraf pada harga urusniaga, iaitu penanda terbaik nilai saksama. Nilai saksama pelaburan yang didagangkan secara aktif dalam pasaran kewangan terancang ditentukan dengan merujuk kepada harga bida pasaran yang disebut harga untuk aset dan harga tawaran untuk liabiliti pada waktu penutupan perniagaan pada tarikh laporan. Untuk pelaburan dalam amanah saham, nilai saksama ditentukan dengan merujuk kepada nilai aset bersih yang diterbitkan.

Bagi instrumen kewangan yang tidak mempunyai pasaran aktif seperti sekuriti tidak disebut harga, nilai saksama ditentukan berdasarkan sebut harga purata yang diperolehi daripada tiga institusi kewangan berlesen yang juga merupakan peniaga utama.

Jika nilai saksama tidak boleh dikira dengan tepat, instrumen-instrumen kewangan ini dikira pada kos, sebagai nilai saksama bagi pertimbangan dibayar pembelian instrumen atau jumlah yang diterima selepas menerbitkan liabiliti kewangan. Semua kos urusniaga yang berkait secara langsung dengan pembelian juga termasuk dalam kos pelaburan.

#### **(g) Rosot nilai aset kewangan**

Pada setiap tarikh laporan, Kumpulan dan Syarikat menilai sama ada aset kewangan atau kumpulan aset kewangan mempunyai rosot nilai.

**2 DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)****2.4 Ringkasan dasar perakaunan penting (samb.)****(g) Rosot nilai aset kewangan (samb.)*****Aset dibawa pada kos pelunasan***

Jika terdapat bukti objektif bahawa kerugian rosot nilai atas aset dibawa pada kos pelunasan telah berlaku, jumlah kerugian rosot nilai dikira sebagai perbezaan di antara jumlah dibawa aset dan nilai semasa jangkaan aliran tunai pada masa hadapan (tidak termasuk jangkaan kerugian kredit pada masa hadapan yang belum lagi berlaku) didiskaunkan pada kadar/hasil berkesan asal aset kewangan. Jumlah dibawa aset dikurangkan dan kerugian direkodkan dalam keuntungan atau kerugian.

Pada mulanya Kumpulan dan Syarikat menilai sama ada bukti objektif rosot nilai wujud secara berasingan untuk aset kewangan yang penting secara berasingan, dan secara berasingan atau berkumpulan untuk aset kewangan yang tidak penting secara berasingan. Jika tidak terdapat bukti objektif tentang kewujudan rosot nilai untuk aset kewangan yang dinilai secara berasingan, sama ada penting atau tidak, aset-aset itu dimasukkan dalam kumpulan aset kewangan dengan sifat-sifat risiko kredit yang sama dan kumpulan aset kewangan dinilai secara bersama untuk rosot nilai. Aset yang dinilai secara berasingan untuk rosot nilai di mana kerugian rosot nilai diiktiraf atau kekal diiktiraf tidak dimasukkan dalam penilaian bersama rosot nilai. Penilaian rosot nilai dilakukan pada setiap tarikh laporan.

***Pelaburan AFS***

Jika aset kewangan AFS telah rosot nilai, jumlah yang terdiri daripada perbezaan di antara kosnya (bersih daripada sebarang bayaran semula prinsipal dan pelunasan) dan nilai saksama semasanya, tolak sebarang kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelum ini dalam pendapatan komprehensif lain, dipindahkan daripada pendapatan komprehensif lain ke penyata pendapatan. Songsangan kerugian rosot nilai atas instrument hutang diklasifikasikan sebagai AFS disongsangkan melalui penyata pendapatan jika peningkatan dalam nilai saksama instrumen boleh dikaitkan secara objektif dengan peristiwa yang berlaku selepas kerugian rosot nilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

***LAR***

Tinjauan ke semula jumlah tertunggak dilakukan pada akhir tempoh pelaporan. Peruntukan tertentu bagi rosot nilai dibuat bagi belum terima lain yang telah dikaji secara individu dan dikenal pasti secara khusus sebagai rosot nilai. Jumlah dibawa aset dikurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan dan jumlah kerugian diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Lain-lain hutang dihapus kira apabila dianggap tidak boleh diperolehi. Jika hapuskira dapat dipulihkan, pemulihan itu diiktiraf di dalam keuntungan atau kerugian.

## 2 DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

### 2.4 Ringkasan dasar perakaunan penting (samb.)

#### (h) Aset kewangan yang dinyahiktirafkan

Aset kewangan tidak lagi diiktiraf apabila hak kontraktual Kumpulan dan Syarikat untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan luput atau di mana aset kewangan telah dipindahkan dan Kumpulan dan Syarikat juga telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan.

#### (i) Instrumen ekuiti

Saham biasa diklasifikasikan sebagai ekuiti atas penyata kedudukan kewangan

Dividen atas saham biasa diiktiraf sebagai liabiliti dan ditunjukkan dalam penyata perubahan dalam ekuiti dalam tempoh di mana ia diumumkan.

#### (j) Rosot Nilai aset bukan kewangan

Aset bukan kewangan diuji setiap tahun untuk rosot nilai. Jumlah dibawa aset dinilai semula pada setiap tarikh laporan untuk menentukan sama ada terdapat tanda-tanda rosot nilai. Jika terdapat tanda rosot nilai, jumlah boleh pulih aset dianggarkan untuk menentukan jumlah kerugian rosot nilai.

Bagi tujuan menjalankan ujian rosot nilai terhadap aset-aset ini, jumlah boleh pulih ditentukan berdasarkan aset individu kecuali aset itu tidak menjana aliran tunai yang kebanyakannya tidak bergantung pada aset-aset lain. Jika keadaan ini benar, jumlah boleh pulih ditentukan untuk unit penajaan tunai ("CGU") kepunyaan aset itu.

Jumlah aset boleh pulih adalah lebih tinggi bagi sesuatu aset atau nilai saksama CGU ditolak kos jualan dan nilai penggunaannya. Dalam penilaian nilai penggunaan, aliran tunai masa depan yang dianggarkan dikurangkan ke nilai semasa dengan menggunakan kadar diskaun pra cukai yang menunjukkan penilaian pasaran semasa untuk nilai masa wang dan risiko khusus aset. Apabila jumlah dibawa aset melebihi jumlah boleh pulih, aset tersebut dikira telah rosot nilai dan diturunkan kepada jumlah boleh pulih. Kerugian rosot nilai yang diiktiraf berkenaan CGU diperuntukkan untuk mengurangkan jumlah dibawa aset dalam unit atau kumpulan unit pada dasar pro rata.

Kerugian kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam tempoh di mana ia timbul, melainkan jika aset tersebut dibawa pada amaun yang dinilai semula, di mana kerugian rosotnilai diambilkira sebagai pengurangan penilaian semula sehingga tahap kerugian rosotnilai tidak melebihi jumlah dipegang di dalam rizab penilaian semula aset bagi aset yang sama.

## 2 DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

### 2.4 Ringkasan dasar perakaunan penting (samb.)

#### (j) Rosot Nilai aset bukan kewangan (samb.)

Kerugian rosot nilai aset disongsangkan jika, dan hanya jika, terdapat perubahan dalam penganggaran yang digunakan untuk menentukan jumlah aset boleh pulih sejak kerugian rosot nilai yang dahulu diiktiraf. Nilai dibawa aset ditingkatkan ke jumlah boleh pulih yang telah diubah jika jumlah ini tidak melebihi jumlah dibawa yang akan ditentukan (pelunasan bersih atau susutnilai) tidak mempunyai kerugian rosot nilai yang diiktiraf untuk aset pada tahun-tahun sebelumnya. Songsangan kerugian rosot nilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

#### (k) Liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan dikelaskan menurut kandungan perjanjian kontrak yang dimeterai dan definisi liabiliti kewangan.

Liabiliti kewangan, dalam skop MFRS139, diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, Kumpulan dan Syarikat menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan.

Liabiliti kewangan pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama dan juga kos urusniaga secara langsung, dan seterusnya diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif.

Bagi lain-lain liabiliti kewangan, hasil dan kerugian diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian apabila liabiliti tidak lagi diiktiraf, dan melalui proses pelunasan.

Liabiliti kewangan tidak lagi diiktiraf apabila obligasi di bawah liabiliti dilupuskan. Apabila liabiliti kewangan sedia ada digantikan oleh pihak lain daripada pemberi pinjaman yang sama atas terma yang nyata berbeza, atau terma liabiliti sedia ada sebahagian besarnya diubahsuai, pertukaran atau pengubahsuaian sebegini dianggap sebagai penyahiktirafan liabiliti asal dan pengiktirafan liabiliti baru, dan perbezaan dalam amaun dibawa masing-masing diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

#### (l) Pajakan

##### (i) Sebagai pemajak

Pajakan kewangan yang memindahkan sebahagian besar risiko Kumpulan dan Syarikat dan ganjaran sampingan kepada pemilikan perkara dipajakan dipermodalkan pada permulaan pajakan pada nilai saksama aset dipajakan atau, jika lebih rendah pada nilai semasa bayaran pajakan minimum. Sebarang kos permulaan juga dimasukkan ke dalam jumlah dipermodalkan.

## **2 DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)**

### **2.4 Ringkasan dasar perakaunan penting (samb.)**

#### **(l) Pajakan (samb.)**

##### **(i) Sebagai pemajak (samb.)**

Aset yang dipajakkan disusut nilai mengikut anggaran hayat berguna aset. Namun demikian, jika tidak terdapat kepastian bahawa Kumpulan dan Syarikat akan menerima pemilikan pada akhir tempoh pajakan, aset itu disusutnilaikan mengikut anggaran hayat berguna yang dipendekkan dan tempoh pajakan.

Bayaran pajakan operasi diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan atas dasar akrual sepanjang tempoh pajakan.

##### **(ii) Sebagai pemberi pajak**

Pajakan di mana Kumpulan dan Syarikat mengekalkan kebanyakan daripada risiko dan memberi ganjaran pemilikan aset diklasifikasikan sebagai pajakan operasi. Penerimaan pajakan operasi diiktiraf sebagai pendapatan atas dasar akrual sepanjang tempoh pajakan.

#### **(m) Pengklasifikasian produk**

Syarikat menerbitkan kontrak yang memindahkan risiko insurans sahaja.

Risiko kewangan adalah risiko perubahan yang mungkin berlaku pada masa hadapan dalam satu atau lebih kadar faedah yang tertentu, harga instrumen kewangan, harga komoditi, kadar pertukaran asing, harga atau kadar indeks, penarafan kredit atau indeks kredit atau pemboleh ubah lain, jika pemboleh ubah bukan kewangan itu bukan khusus kepada pihak dalam kontrak. Risiko insurans adalah risiko yang bukan terdiri daripada risiko kewangan.

Kontrak insurans adalah kontrak yang memindahkan risiko insurans penting. Kontrak insurans adalah kontrak di mana Syarikat (penanggung insurans) telah menerima risiko insurans penting daripada pihak yang lain (pemegang polisi) dengan berjanji member pampasan kepada pemegang polisi jika peristiwa pada masa hadapan yang tidak pasti telah dispesifikasikan (peristiwa yang diinsuranskan) menjejaskan pemegang polisi dengan teruk. Sebagai garis panduan asas, Syarikat menentukan sama ada ia mempunyai risiko insurans yang penting, dengan membandingkan manfaat yang dibayar dengan manfaat yang perlu dibayar jika peristiwa yang diinsuranskan tidak berlaku.

Selepas kontrak diklasifikasikan sebagai kontrak insurans, ia kekal sebagai kontrak insurans untuk baki jangka hayatnya, walaupun risiko insurans banyak berkurangan semasa tempoh ini, melainkan semua hak dan obligasi telah dihapuskan atau tamat.

## **2 DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)**

### **2.4 Ringkasan dasar perakaunan penting (samb.)**

#### **(m) Pengklasifikasian produk (samb.)**

Namun demikian, kontrak pelaburan boleh diklasifikasikan semula sebagai kontrak insurans selepas tempoh permulaan jika risiko insurans menjadi ketara.

Kontrak insurans dan pelaburan diklasifikasikan selanjutnya sebagai mempunyai atau tidak mempunyai ciri-ciri penyertaan budi bicara ("DPF"). DPF adalah hak kontraktual untuk menerima faedah tambahan sebagai tambahan kepada faedah dijamin.

Syarikat tidak mempunyai sebarang kontrak pelaburan dan kontrak insurans yang dikeluarkan tidak mengandungi DPF.

#### **(n) Insurans semula**

Syarikat menyerahkan risiko insurans dalam perniagaan biasanya untuk kesemua perniagaannya. Aset insurans semula mewakili baki terhutang daripada syarikat insurans semula. Jumlah boleh pulih daripada penginsurans semula dijangka mengikut cara yang konsisten dengan peruntukan tuntutan tertunggak atau tuntutan dijelaskan yang berkenaan polisi penginsurans semula dan adalah selaras dengan kontrak insurans semula yang berkaitan.

Pengaturan insurans semula diserahkan tidak melepaskan Syarikat daripada tanggungjawabnya ke atas pemegang polisi. Premium dan tuntutan dibentangkan atas dasar kasar untuk kedua-dua insurans semula diserahkan dan diandaikan.

Aset insurans semula disemak semula untuk rosot nilai pada setiap tarikh laporan atau dengan lebih kerap apabila tanda rosot nilai timbul semasa tempoh laporan. Rosot nilai berlaku apabila terdapat bukti objektif hasil daripada peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan awal aset insurans semula bahawa Syarikat mungkin tidak menerima semua jumlah tertunggak yang sudah sampai tempoh dibawah terma-terma kontrak dan peristiwa itu mempunyai kesan yang boleh dikira dengan pasti ke atas jumlah yang akan diterima oleh Syarikat daripada penginsurans semula. Kerugian rosot nilai direkod dalam keuntungan atau kerugian.

Perolehan atau kerugian atas pembelian insurans semula diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan serta-merta pada tarikh pembelian dan tidak dilunaskan.

Syarikat juga menerima risiko insurans semula dalam perniagaan biasanya untuk kontrak insurans am apabila sesuai.

## **2 DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)**

### **2.4 Ringkasan dasar perakaunan penting (samb.)**

#### **(n) Insurans semula (samb.)**

Premium dan tuntutan ke atas insurans semula diandaikan diiktiraf sebagai hasil atau perbelanjaan dalam cara yang sama seperti keadaan jika insurans semula dianggap perniagaan langsung, dengan mengambil kira pengklasifikasian produk perniagaan insurans semula. Liabiliti insurans semula mewakili baki terutang kepada syarikat insurans semula. Jumlah perlu dibayar dijangka dengan cara yang konsisten dengan kontrak insurans semula yang berkaitan.

Aset atau liabiliti insurans semula tidak diiktiraf apabila hak kontraktual telah dihapuskan atau tamat tempoh atau apabila kontrak dipindahkan kepada pihak lain.

#### **(o) Keputusan pengunderaitan insurans am**

Keputusan pengunderaitan insurans am ditentukan bagi setiap kelas perniagaan selepas mengambil kira, antaranya, penginsurans semula, premium tidak terperoleh, komisen dan tuntutan ditanggung.

##### **(i) Premium Kasar**

Premium kasar diiktiraf dalam tempoh kewangan berhubung dengan risiko yang diambil dalam tempoh kewangan tertentu.

##### **(ii) Premium insurans semula**

Premium insurans semula fakultatif aliran masuk diiktiraf dalam tempoh kewangan berhubung dengan risiko fakultatif yang diambil dalam tempoh kewangan tertentu, seperti dalam kes polisi langsung, berikutan tarikh permulaan risiko individu.

Untuk premium insurans semula yang berkaitan dengan triti berkadar, ia diiktiraf pada asas pemberitahuan berkala yang diterima daripada penyerah dalam keadaan pemberitahuan berkala mencerminkan risiko berasingan yang wujud dimulakan dan diinsuranskan semula pada tarikh permulaan yang berbeza untuk risiko-risiko ini dan diambil kira secara berkontrak, sebegini kepada penginsurans semula di bawah terma triti berkadar.



**Multi-Purpose Insurans Bhd  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**2 DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)**

**2.4 Ringkasan dasar perakaunan penting (samb.)**

**(o) Keputusan pengunderaitan insurans am (samb.)**

**(iii) Liabiliti premium**

Liabiliti premium dilaporkan pada jumlah yang lebih tinggi untuk agregat rizab premium tidak terperoleh ("UPR") untuk semua barisan perniagaan dan nilai anggaran terbaik rizab risiko penanggung insurans yang belum tamat ("URR") pada akhir tahun kewangan dan peruntukan margin risiko untuk penyimpangan buruk ("PRAD") yang dikira pada tahap keyakinan 75% pada tahap keseluruhan Syarikat. Jangkaan nilai yang terbaik ialah anggaran prospektif tentang bayaran masa hadapan yang dijangka timbul daripada peristiwa masa hadapan yang diinsuranskan di bawah polisi yang berkuatkuasa pada akhir tahun kewangan termasuk peruntukan perbelanjaan penanggung insurans.

**(a) Rizab risiko belum tamat**

URR merupakan anggaran prospektif jangkaan bayaran masa hadapan yang timbul daripada peristiwa masa hadapan yang diinsuranskan di bawah polisi yang berkuat kuasa pada akhir tahun kewangan dan juga termasuk peruntukan perbelanjaan yang merangkumi overhead dan kos insurans semula yang dijangka akan ditanggung semasa tempoh belum tamat dalam mentadbirkan polisi ini dan menjelaskan tuntutan berkenaan dan jangkaan bayaran balik premium masa hadapan

**(b) Rizab premium belum diperolehi**

Rizab Premium Tidak Terperoleh ("UPR") mewakili bahagian premium bersih tolak kos perolehan bersih yang berkaitan untuk polisi insurans bertulis pada tempoh belum tamat polisi pada akhir tahun kewangan.

Untuk menentukan UPR pada tarikh laporan, kaedah yang digunakan untuk mengira premium tidak terperoleh sebenar adalah seperti berikut:

- Kaedah 25% untuk kargo marin, kargo penerbangan dan perniagaan transit;
- Kaedah 1/24 untuk semua kelas perniagaan am yang lain untuk polisi Malaysia dengan Kadar potongan berikut, atau komisen benar ditanggung, yang mana lebih rendah:
  - Motor dan bon 10%
  - Kebakaran, kejuruteraan, penerbangan dan 15%
  - Perubatan 10 - 15%
  - Kelas lain 20%
- Kaedah 1/8 untuk semua kelas perniagaan triti aliran masuk luar negara yang lain dengan potongan sebanyak 20% untuk komisen
- Polisi bukan tahunan menggunakan asas peruntukan masa sepanjang tempoh risiko.

## 2 DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

### 2.4 Ringkasan dasar perakaunan penting (samb.)

#### (o) Keputusan pengunderaitan insurans am (samb.)

##### (iv) Liabiliti tuntutan

Liabiliti tuntutan diiktiraf sebagai obligasi untuk membuat bayaran masa hadapan berhubung semua tuntutan yang telah ditanggung pada akhir tahun kewangan. Liabiliti tuntutan diiktiraf berhubung dengan insurans langsung dan insurans semula aliran masuk. Nilai itu adalah nilai anggaran terbaik liabiliti tuntutan yang termasuk peruntukan tuntutan dilaporkan, tuntutan ditanggung tetapi tidak mencukupi untuk rizab ("IBNER"), tuntutan ditanggung tetapi tidak dilaporkan ("IBNR") dan perbelanjaan langsung dan tidak langsung berkaitan tuntutan serta PRAD pada tahap keyakinan 75% yang dikira pada tahap keseluruhan Syarikat. Ke semua ini adalah berdasarkan penilaian aktuari oleh ahli aktuari yang berkeelayakan dengan menggunakan kaedah anggaran matematik berdasarkan, antaranya, pola perkembangan tuntutan sebenar.

##### (v) Kos pemerolehan

Kos pemerolehan dan pembaharuan polisi insurans ditolak pendapatan diperolehi daripada premium insurans semula diserahkan diiktiraf sebagai ditanggung dan diperuntukkan secara teratur ke tempoh kewangan di mana ia berkemungkinan menjana pendapatan.

#### (p) Penghutang insurans

Penghutang insurans diiktiraf pada tarikh matang dan dikira pada nilai saksama pertimbangan diterima dan belum diterima.

Jika terdapat bukti objektif bahawa penghutang insurans telah rosot nilai, Syarikat mengurangkan jumlah dibawa penghutang insurans dengan sewajarnya dan mengiktiraf kerugian rosot nilai ini dalam penyata pendapatan. Syarikat mengumpul bukti objektif bahawa penghutang insurans telah rosot nilai dengan menggunakan proses sama yang dilakukan untuk aset kewangan dibawa pada kos dilunaskan. Kerugian rosot nilai dikira dengan kaedah yang sama yang digunakan untuk aset-aset kewangan ini. Proses-proses ini dijelaskan dalam Nota 2.4 (g).

Penghutang insurans tidak diiktiraf apabila kriteria ketidakiktirafan untuk aset kewangan, seperti yang dijelaskan dalam Nota 2.4 (h) telah dipenuhi.

**Multi-Purpose Insurans Bhd  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**2 DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)**

**2.4 Ringkasan dasar perakaunan penting (samb.)**

**(q) Liabiliti kontrak insurans**

Liabiliti kontrak insurans am diiktiraf apabila kontrak dimulakan dan premium dicaj. Liabiliti-liabiliti ini terdiri daripada peruntukan tuntutan tertunggak dan peruntukan premium tidak terperoleh.

Peruntukan tuntutan tertunggak adalah berdasarkan jangkaan kos muktamad untuk semua tuntutan ditanggung tetapi tidak diselesaikan pada tarikh laporan, sama ada dilaporkan atau tidak, bersama kos pengendalian tuntutan yang berkaitan dan potongan untuk jangkaan nilai sisaan dan pemulihan lain. Penangguhan boleh dialami semasa pemberitahuan dan penyelesaian tuntutan tertentu, jadi, kos muktamad tuntutan-tuntutan ini tidak diketahui dengan pasti pada tarikh laporan. Liabiliti dikira pada tarikh laporan dengan menggunakan teknik unjuran tuntutan aktuari yang standard berdasarkan data empirik dan andaian semasa yang mungkin termasuk margin untuk penyimpangan buruk. Liabiliti itu tidak didiskaunkan untuk nilai masa wang. Peruntukan untuk rizab penyamaan atau malapetaka tidak diiktiraf. Liabiliti tidak diiktiraf apabila kontrak tamat, dilunaskan atau dibatalkan.

Peruntukan premium tidak terperoleh mewakili premium diterima untuk risiko yang belum tamat. Pada amnya, rizab dikeluarkan sepanjang tempoh kontrak dan diiktiraf sebagai pendapatan premium.

Pada tarikh setiap laporan, Syarikat menyemak semula risiko belum tamatnya dan ujian kecukupan liabiliti dijalankan untuk menentukan sama ada terdapat lebihan jangkaan tuntutan dan kos perolehan tertunda atas premium tidak terperoleh. Pengiraan ini menggunakan anggaran semasa aliran tunai kontraktual masa hadapan (dengan mempertimbangkan nisbah kerugian semasa) selepas mengambil kira pulangan pelaburan yang dijangka timbul ke atas aset yang berkaitan dengan peruntukan teknikal insurans am yang berkenaan. Jika anggaran-anggaran ini menunjukkan bahawa jumlah dibawa premium tidak terperoleh ditolak kos perolehan tertunda yang berkaitan adalah tidak mencukupi, kekurangan ini diiktiraf dalam penyata pendapatan dengan mewujudkan peruntukan kecukupan liabiliti.

**(r) Pengiktirafan hasil lain**

Hasil diiktiraf sehingga ke tahap kemungkinan bahawa faedah ekonomi berkaitan dengan urusniaga akan mengalir ke Kumpulan dan Syarikat dan hasil boleh diukur dengan tepat. Kriteria pengiktirafan spesifik berikut juga mesti dipenuhi sebelum hasil diiktiraf.

## 2 DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

### 2.4 Ringkasan dasar perakaunan penting (samb.)

#### (r) Pengiktirafan hasil lain (samb.)

##### (i) Pendapatan sewa

Pendapatan sewa diiktiraf atas dasar akrual kecuali di mana kemungkiran dalam pembayaran sewa telah berlaku dan sewa tertunggak untuk lebih daripada enam bulan, di mana pengiktirafan pendapatan sewa digantung. Selepas penggantungan, pendapatan diiktiraf atas asas penerimaan sehingga semua tunggakan telah dibayar.

##### (ii) Pendapatan pelaburan dan pendapatan faedah atas pinjaman

Pendapatan pelaburan dan pendapatan faedah diiktiraf dalam penyata kewangan pada asas akrual menggunakan kaedah faedah efektif.

##### (iii) Pendapatan dividen/agihan daripada dana amanah saham

Pendapatan dividen/agihan daripada dana amanah saham diiktiraf atas dasar akrual apabila hak Syarikat untuk menerima bayaran adalah mapan.

##### (iv) Keuntungan dan kerugian terealisasi atas pelaburan

Keuntungan dan kerugian terealisasi direkodkan dalam penyata pendapatan atas pelaburan termasuk keuntungan dan kerugian atas aset kewangan dan hartanah pelaburan. Keuntungan dan kerugian atas penjualan pelaburan dikira sebagai perbezaan di antara hasil jualan bersih dengan kos asal atau dilunaskan dan direkodkan semasa urusan jualan berlaku.

#### (s) Mata wang asing

Penyata kewangan dikemukakan dalam Ringgit Malaysia yang merupakan mata wang fungsian Syarikat.

Urusniaga dalam mata wang asing pada mulanya direkodkan kadar mata wang fungsian mengikut kadar pertukaran pada tarikh urusanniaga. Aset dan liabiliti monetari yang didenominasikan dalam mata wang asing ditukarkan semula pada kadar pertukaran mata wang fungsian berkuat kuasa pada tarikh laporan. Kesemua perbezaan ini diambilkira dalam keuntungan atau kerugian.

**2 DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)****2.4 Ringkasan dasar perakaunan penting (samb.)****(t) Cukai pendapatan**

Cukai pendapatan atas keuntungan atau kerugian bagi tahun kewangan terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa adalah jumlah cukai pendapatan belum bayar yang dijangka berkenaan keuntungan dikenakan cukai pada tahun kewangan dan dikira dengan menggunakan kadar cukai yang telah digubalkan pada tarikh laporan.

Cukai tertunda diperuntukkan dengan menggunakan kaedah liabiliti. Pada dasarnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara boleh dicukai manakala aset cukai tertunda hanya diiktiraf untuk semua perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai tidak diguna dan kredit cukai tidak diguna sehingga terdapat kemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai akan tersedia terhadap perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai tidak diguna dan kredit cukai tidak diguna boleh digunakan. Cukai tertunda tidak diiktiraf sekiranya perbezaan sementara timbul daripada muhibah atau muhibah negatif atau daripada pengiktirafan awal di mana aset atau liabiliti dalam sesuatu urusan niaga bukan merupakan kombinasi perniagaan dan pada masa urusan niaga, keuntungan perakaunan mahupun keuntungan boleh dicukai tidak terjejas.

Cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan dalam tempoh semasa aset direalisasi atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubalkan atau digubalkan secara hakiki pada tarikh laporan. Cukai tertunda diiktiraf dalam penyata pendapatan, kecuali apabila ia timbul daripada urusan niaga yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, di mana cukai tertunda juga dcaj atau dikreditkan secara langsung dalam ekuiti.

**(u) Manfaat kakitangan****(i) Manfaat jangka pendek**

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun kewangan di mana perkhidmatan yang berkaitan itu diberikan oleh kakitangan Syarikat. Ketidakhadiran diganti terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan yang diberikan oleh pekerja menyebabkan peningkatan hak mereka kepada baki diganti pada masa hadapan dan ketidakhadiran diganti tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran itu berlaku.

## **2 DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)**

### **2.4 Ringkasan dasar perakaunan penting (samb.)**

#### **(u) Manfaat kakitangan (samb.)**

##### **(ii) Pelan sumbangan ditetapkan**

Selaras dengan keperluan perundangan, syarikat-syarikat di Malaysia membuat sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP"). Sumbangan-sumbangan ini diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan semasa ditanggung.

##### **(iii) Pelan manfaat ditetapkan**

Selain daripada sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Syarikat menyumbang pada kadar yang diluluskan kepada skim terbiaya untuk pekerja yang layak berdasarkan pelan manfaat ditetapkan. Dana ini dikenali sebagai Skim Persaraan Kumpulan Multi-Purpose ("MPGRS") dan diwujudkan menurut surat ikatan amanah pada tahun 1984 di antara Magnum Berhad (sebelum ini dikenali sebagai Multi-Purpose Holdings Berhad) dan Pemegang Amanah.

Sumbangan yang dibuat dicaj ke penyata pendapatan.

Kedudukan kewangan MPGRS tertakluk kepada penilaian semula oleh seorang ahli aktuari tidak kurang daripada sekali dalam setiap 3 tahun dan jika defisit berlaku, Pemegang Amanah MPGRS mungkin meminta Syarikat, tertakluk kepada kelulusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri, membuat sumbangan selanjutnya seperti yang disarankan oleh ahli aktuari yang bertujuan mengurangkan atau menghapuskan defisit tersebut yang tertakluk kepada persetujuan Ketua Pengarah Jabatan Hasil Dalam Negeri. Tinjauan akhir yang dilakukan oleh seorang aktuari adalah pada tahun 2011.

#### **(v) Tunai dan setara tunai**

Untuk tujuan penyata aliran tunai, tunai dan setara tunai terdiri daripada tunai dan baki bank.

Penyata aliran tunai telah disediakan dengan menggunakan kaedah tidak langsung.

**2 DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)****2.5 Pertimbangan, anggaran dan andaian perakaunan penting****(a) Pertimbangan kritikal dalam menggunakan dasar perakaunan Syarikat**

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MFRS memerlukan pihak pengurusan untuk membuat pertimbangan penggunaan anggaran dan andaian yang mempunyai kesan terhadap penggunaan dasar dan jumlah aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan. Walaupun anggaran ini berdasarkan pengetahuan terbaik pihak pengurusan mengenai peristiwa dan langkah-langkah semasa, keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran tersebut. Anggaran perakaunan kritikal dan andaian yang digunakan adalah penting kepada penyata kewangan, dan bahagian yang melibatkan pertimbangan dan kerumitan yang lebih tinggi, dinyatakan seperti berikut:

**(i) Rosot nilai aset kewangan AFS**

Pertimbangan penting diperlukan untuk menilai rosot nilai bagi aset kewangan AFS. Syarikat menilai tempoh dan sejauh mana nilai saksama pelaburan adalah kurang daripada kosnya, kedudukan kewangan dan prospek perniagaan jangka terdekat bagi pelaburan, termasuk tetapi tidak terhad kepada faktor-faktor seperti prestasi industri dan sektor, perubahan dalam teknologi; dan aliran tunai operasi dan kewangan. Amaun dibawa aset kewangan AFS Kumpulan dan Syarikat dinyatakan dalam Nota 6.

**(ii) Rosot nilai belum terima**

Syarikat menilai pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan telah merosot. Faktor-faktor yang dipertimbangkan oleh Syarikat adalah kebarangkalian ketidaksolvenan atau kesukaran kewangan ketara penghutang dan keingkaran atau kelewatan dalam pembayaran. Syarikat juga mempertimbangkan risiko kemungkiran industri dan kredit penarafan, aliran pembayaran dan pengusian penghutang. Amaun dibawa bagi insurans belum terima Kumpulan dan Syarikat dan lain-lain penghutang adalah seperti yang dinyatakan masing-masing dalam Nota 9 dan 10.

**2 DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)****2.5 Pertimbangan, anggaran dan andaian perakaunan penting (samb.)****(b) Sumber utama ketidakpastian anggaran**

Andaian utama berkenaan masa depan dan sumber utama ketidakpastian anggaran lain pada tarikh laporan yang mempunyai kesan risiko besar menyebabkan pelarasan ketara kepada jumlah dibawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan berikutnya dibincangkan di bawah:

**(i) Penilaian liabiliti kontrak insurans**

Bagi kontrak insurans, anggaran perlu dibuat untuk kedua-dua jangkaan kos tuntutan muktamad yang dilaporkan pada tarikh laporan dan jangkaan kos muktamad untuk tuntutan ditanggung tetapi tidak dilaporkan ("IBNR") pada tarikh laporan.

Jangka masa yang panjang perlu diambil sebelum kos tuntutan muktamad boleh diwujudkan dengan pasti dan untuk sesetengah polisi, tuntutan IBNR membentuk sebahagian besar liabiliti yang dilaporkan. Kos tuntutan tertunggak muktamad dianggarkan dengan menggunakan teknik unjuran tuntutan aktuari yang standard seperti kaedah Rantai Tangga dan Bornheutter-Ferguson.

Andaian utama untuk teknik-teknik ini adalah pengalaman perkembangan tuntutan lalu Syarikat digunakan untuk mengunjurkan perkembangan tuntutan masa hadapan dan kos tuntutan muktamad. Oleh itu, kaedah-kaedah ini mengekstrapolasi perkembangan kerugian dibayar dan ditanggung, kos purata setiap tuntutan dan bilangan tuntutan berdasarkan perkembangan yang diperhatikan pada tahun-tahun awal dan jangkaan nisbah kerugian. Perkembangan tuntutan sejarah biasanya dianalisis mengikut tahun-tahun kemalangan tetapi boleh dianalisis lanjut mengikut kawasan geografi dan barisan perniagaan penting serta jenis tuntutan. Tuntutan yang besar dikendalikan secara berasingan, sama ada dirizabkan pada nilai muka yang dijangka oleh penaksir kerugian atau diunjurkan secara berasingan untuk mencerminkan perkembangan masa hadapan. Dalam kebanyakan kes, tiada andaian eksplisit dibuat berkenaan kadar masa hadapan inflasi tuntutan atau nisbah kerugian. Sebaliknya, andaian yang digunakan adalah andaian yang implisit dalam data perkembangan tuntutan sejarah pada masa unjuran diasaskan. Pertimbangan kualitatif tambahan digunakan untuk menilai tahap arah aliran yang lepas yang berkemungkinan tidak dapat diaplikasikan pada masa hadapan (misalannya, untuk mencerminkan kejadian yang jarang berlaku, perubahan dalam faktor luaran atau pasaran seperti sikap masyarakat terhadap tuntutan, keadaan ekonomi, tahap tuntutan inflasi, keputusan kehakiman dan perundangan, dan faktor dalaman seperti campuran portfolio, ciri-ciri polisi dan prosedur pengendalian tuntutan) untuk mendapatkan jangkaan kos muktamad tuntutan yang menunjukkan hasil yang berkemungkinan berlaku daripada sejumlah hasil selepas mempertimbangkan kesemua ketidakpastian. Pergerakan dan amaun dibawa liabiliti kontrak insurans dinyatakan dalam Nota 14.



**2 DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)****2.5 Pertimbangan, anggaran dan andaian perakaunan penting (samb.)****(b) Sumber utama ketidakpastian anggaran (samb.)****(ii) Cukai tertunda**

Implikasi cukai tertunda yang timbul daripada perubahan dalam kadar cukai pendapatan korporat diukur dengan merujuk kepada realisasi anggaran dan penyelesaian perbezaan sementara pada tempoh masa hadapan dimana kadar cukai dijangka akan digunakan, berdasarkan kadar cukai yang digubal atau pasti digubal pada tarikh penyata kedudukan kewangan. Walaupun anggaran pihak pengurusan tentang realisasi dan penyelesaian perbezaan sementara adalah berdasarkan maklumat yang sedia ada pada tarikh penyata kedudukan kewangan, perubahan dalam strategi perniagaan, prestasi operasi masa hadapan dan faktor-faktor lain boleh memberi kesan ke atas masa sebenar dan jumlah perbezaan sementara direalisasi dan diselesaikan. Sebarang perbezaan di antara jumlah sebenar dan jumlah anggaran akan diambilkira dalam penyata pendapatan pada masa realisasi dan penyelesaian sebenarnya berlaku.

Aset cukai tertunda diiktiraf untuk semua peruntukan rosot nilai pelaburan, pelunasan premium bersih dalam pelaburan dan perbezaan sementara lain setakat ia berkemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai akan tersedia terhadap faedah yang boleh digunakan. Pertimbangan pengurusan yang penting diperlukan untuk menentukan amaun aset cukai tertunda yang boleh diiktiraf, berdasarkan masa dan tahap keuntungan cukai masa depan bersama-sama dengan strategi perancangan cukai masa depan. Amaun dibawa cukai tertunda dinyatakan dalam Nota 16.

**(iii) Hartanah pelaburan**

Dalam menganggarkan nilai saksama hartanah pelaburan, Kumpulan menggunakan data pasaran yang boleh diperhatikan setakat ianya boleh didapati. Di mana input tahap 1 tidak boleh didapati, Kumpulan mendapatkan perkhidmatan penilai bertauliah pihak ketiga untuk melaksanakan penilaian dalam menentukan teknik penilaian dan input yang sesuai kepada model.

Maklumat mengenai teknik penilaian dan input yang digunakan dalam menentukan nilai saksama hartanah pelaburan dinyatakan dalam Nota 4.

**Multi-Purpose Insurans Bhd  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**3. HARTANAH DAN PERALATAN**

	Tanah dan bangunan RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Peralatan pejabat dan komputer RM'000	Pengubahsuaian, perabot dan pemasangan RM'000	Kerja dalam proses RM'000	Jumlah RM'000
<b>Kumpulan dan Syarikat</b>						
<b>2013</b>						
<b>Kos</b>						
Pada 1 Januari 2013	3,177	557	7,584	4,773	1,444	17,535
Penambahan	8	278	293	612	-	1,191
Pelupusan	-	(255)	(49)	-	-	(304)
Hapus-kira	-	-	(16)	(2)	(2,204)	(2,222)
Pindahan ke aset tidak ketara	-	-	(39)	-	-	(39)
Klasifikasi semula	-	-	(760)	-	760	-
Pada 31 Disember 2013	<u>3,185</u>	<u>580</u>	<u>7,013</u>	<u>5,383</u>	<u>-</u>	<u>16,161</u>
<b>Susutnilai terkumpul</b>						
Pada 1 Januari 2013	242	439	5,002	3,169	-	8,852
Caj bagi tahun	64	120	595	394	-	1,173
Pelupusan	-	(255)	(49)	-	-	(304)
Hapus-kira	-	-	(16)	(2)	-	(18)
Pada 31 Disember 2013	<u>306</u>	<u>304</u>	<u>5,532</u>	<u>3,561</u>	<u>-</u>	<u>9,703</u>
<b>Amaun dibawa bersih</b>						
Pada 31 Disember 2013	<u>2,879</u>	<u>276</u>	<u>1,481</u>	<u>1,822</u>	<u>-</u>	<u>6,458</u>
<b>Nilai saksama</b>						
Pada 31 Disember 2013	<u>4,453</u>					

\* Kos aset bagi hartanah dan peralatan telah disusutnilai sepenuhnya pada 31 Disember 2013 berjumlah RM903,406 (2012: RM1,457,387).

Nilai saksama dianggarkan dengan mempertimbangkan harga tawaran unit yang sama di salah satu laman web pengiklanan hartanah.

14730-X

**Multi-Purpose Insurans Bhd  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**3. HARTANAH DAN PERALATAN (samb.)**

	Tanah dan bangunan RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Peralatan pejabat dan komputer RM'000	Pengubahsuaian, perabot dan pemasangan RM'000	Kerja dalam proses RM'000	Jumlah RM'000
<b>Kumpulan dan Syarikat (samb.)</b>						
<b>2012</b>						
<b>Kos</b>						
Pada 1 Januari 2012	1,177	557	6,346	4,365	1,405	13,850
Penambahan	2,000	-	1,341	412	39	3,792
Pelupusan	-	-	(100)	(4)	-	(104)
Hapus-kira	-	-	(3)	-	-	(3)
Pada 31 Disember 2012	<u>3,177</u>	<u>557</u>	<u>7,584</u>	<u>4,773</u>	<u>1,444</u>	<u>17,535</u>
<b>Susutnilai terkumpul</b>						
Pada 1 Januari 2012	211	327	4,291	2,766	-	7,595
Caj bagi tahun	31	112	809	404	-	1,356
Pelupusan	-	-	(95)	(1)	-	(96)
Hapus-kira	-	-	(3)	-	-	(3)
Pada 31 Disember 2012	<u>242</u>	<u>439</u>	<u>5,002</u>	<u>3,169</u>	<u>-</u>	<u>8,852</u>
<b>Amaun dibawa bersih</b>						
Pada 31 Disember 2012	<u>2,935</u>	<u>118</u>	<u>2,582</u>	<u>1,604</u>	<u>1,444</u>	<u>8,683</u>
<b>Nilai saksama</b>						
Pada 31 Disember 2012	<u>2,935</u>					

**Multi-Purpose Insurans Bhd  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**4 HARTANAH PELABURAN**

	2013 RM'000	2012 RM'000
<b>Kumpulan dan Syarikat</b>		
<b>Kos</b>		
Pada 1 Januari	5,739	4,321
Penambahan	820	3,512
Pelupusan	-	(2,094)
Pada 31 Disember	<u>6,559</u>	<u>5,739</u>
<b>Susutnilai terkumpul</b>		
Pada 1 Januari	-	-
Caj bagi tahun	50	-
Pada 31 Disember	<u>50</u>	<u>-</u>
<b>Amaun dibawa bersih</b>	<u>6,509</u>	<u>5,739</u>
<b>Nilai saksama</b>	<u>7,820</u>	<u>5,739</u>

Hartanah pelaburan terdiri daripada 5 unit harta kediaman (White Lily, Pulau Pinang) dan 1 unit bangunan komersial (tingkat bawah, Wisma Prudential). Di bawah kaedah perbandingan, nilai saksama adalah dianggarkan dengan mempertimbangkan harga tawaran unit yang sama bagi White Lily dalam salah satu laman web pengiklanan hartanah.

Bagi bangunan komersial pula, ianya berdasarkan penilaian laporan pada 31 Disember 2011 oleh penilai hartanah bebas dan pihak pengurusan telah menetapkan suatu anggaran nilai dengan menganggarkan naik-nilai sebanyak 4% atas nilai pada 31 Disember 2011, berdasarkan kepada lokasi dan keadaan bangunan.

**5 ASET TIDAK KETARA**

	2013 RM'000	2012 RM'000
<b>Kumpulan dan Syarikat</b>		
<b>Kos</b>		
Pada 1 Januari	4,289	3,139
Tambahan	805	1,162
Hapus-kira	-	(12)
Pindahan dari hartanah dan peralatan	39	-
Pada 31 Disember	<u>5,133</u>	<u>4,289</u>

**Multi-Purpose Insurans Bhd  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**5 ASET TIDAK KETARA (samb.)**

<b>Kumpulan dan Syarikat (samb.)</b>	<b>2013 RM'000</b>	<b>2012 RM'000</b>
<b>Pelunasan terkumpul</b>		
Pada 1 Januari	2,854	2,540
Caj untuk tahun	497	326
Hapus-kira	-	(12)
Pada 31 Disember	<u>3,351</u>	<u>2,854</u>
<b>Jumlah dibawa bersih</b>	<u>1,782</u>	<u>1,435</u>

Aset tidak ketara merangkumi perisian aplikasi komputer yang yang dibentuk atau dibeli untuk memenuhi keperluan unik Kumpulan.

**6 SEKURITI PELABURAN**

	<b>Kumpulan</b>		<b>Syarikat</b>	
	<b>2013 RM'000</b>	<b>2012 RM'000</b>	<b>2013 RM'000</b>	<b>2012 RM'000</b>
Kertas Kerajaan				
Malaysia	5,568	15,161	-	-
Sekuriti hutang	239,663	147,937	4,791	4,533
Kertas komersial	2,478	4,451	-	-
Sekuriti ekuiti	72,498	61,967	72,498	61,967
Dana amanah saham	40,997	84,031	289,228	290,196
Deposit dengan institusi kewangan	274,780	275,820	270,273	232,803
	<u>635,984</u>	<u>589,367</u>	<u>636,790</u>	<u>589,499</u>

Sekuriti pelaburan Kumpulan dan Syarikat diringkaskan mengikut kategori seperti berikut:

	<b>Kumpulan</b>		<b>Syarikat</b>	
	<b>2013 RM'000</b>	<b>2012 RM'000</b>	<b>2013 RM'000</b>	<b>2012 RM'000</b>
Aset kewangan tersedia untuk jualan ("AFS")	361,204	313,547	366,517	356,696
Pinjaman dan penghutang ("LAR")	274,780	275,820	270,273	232,803
	<u>635,984</u>	<u>589,367</u>	<u>636,790</u>	<u>589,499</u>

**Multi-Purpose Insurans Bhd  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**6 SEKURITI PELABURAN (samb.)**

**(a) Aset kewangan tersedia untuk jualan ("AFS")**

	Kumpulan		Syarikat	
	2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
<b>Pada nilai saksama</b>				
<b>Sekuriti ekuiti</b>				
Disebut harga di Malaysia	69,619	58,963	69,619	58,963
Disebut harga di luar Malaysia	5,798	5,768	5,798	5,768
Peruntukan bagi rosot nilai	(2,919)	(2,764)	(2,919)	(2,764)
	<u>72,498</u>	<u>61,967</u>	<u>72,498</u>	<u>61,967</u>
<b>Kertas Kerajaan Malaysia</b>				
Sekuriti Kerajaan Malaysia	5,568	15,161	-	-
<b>Sekuriti hutang</b>				
Tidak disebut harga di Malaysia	239,663	147,937	4,791	4,533
<b>Kertas komersial</b>				
Kertas komersial jangka pendek	2,478	4,451	-	-
<b>Dana Amanah Saham</b>				
Disebut harga di Malaysia	40,997	84,031	40,997	84,031
Tidak disebut harga di Malaysia	-	-	248,231	206,165
	<u>40,997</u>	<u>84,031</u>	<u>289,228</u>	<u>290,196</u>
	<u>361,204</u>	<u>313,547</u>	<u>366,517</u>	<u>356,696</u>

**(b) Pinjaman dan penghutang ("LAR")**

	Kumpulan		Syarikat	
	2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
<b>Kos dilunaskan</b>				
Deposit tetap dan panggilan Dengan institusi kewangan berlesen	<u>274,780</u>	<u>275,820</u>	<u>270,273</u>	<u>232,803</u>

Amaun dibawa deposit tetap dan panggilan menghampiri nilai saksama disebabkan oleh sifat jangka pendek yang baki ini dan risiko perubahan dalam nilai yang tidak ketara.

**Multi-Purpose Insurans Bhd  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**6 SEKURITI PELABURAN (samb.)**

**(c) Pelaburan dalam subsidiari**

Pada 31 Disember 2013, Syarikat memiliki 99.51% daripada Dana dengan baki 0.49% dipegang oleh pelabur yang berkaitan. Oleh itu, selaras dengan pematuhan MFRS 10, penyata kewangan Kumpulan kini merangkumi Dana yang telah disatukan dengan Syarikat.

	Syarikat	
	2013 RM'000	2012 RM'000
Dana amanah di Malaysia, pada nilai saksama.	248,231	206,165

Kos pelaburan dalam syarikat subsidiari menghampiri nilai saksama pada tarikh pengambilalihan dan pada tarikh laporan.

Subsidiari Syarikat, yang ditubuhkan di Malaysia dan dipegang secara langsung oleh Syarikat, adalah seperti berikut:

	Faedah efektif Syarikat		Aktiviti utama
	2013 %	2012 %	
Dana Opus Institutional Income 2	99.51	99.43	Pengurusan dana

**7 PINJAMAN**

Kumpulan dan Syarikat	2013	2012
	RM'000	RM'000
Pinjaman perumahan pekerja, dicagar	17	38
Penghutang selepas 12 bulan	14	17

Kadar faedar berwajib kepada pinjaman pekerja pada 31 Disember 2013 adalah 5% (2012: 5%) setahun.

The fair value of loans were determined to approximate the carrying amount as these are immaterial in the context of the financial statements.

**Multi-Purpose Insurans Bhd**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**8 ASET INSURANS SEMULA**

<b>Kumpulan dan Syarikat</b>	<b>2013</b>	<b>2012</b>
	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
Insurans semula kontrak insurans		
Liabiliti tuntutan (Nota 14)	304,125	295,402
Liabiliti Premium (Nota 14)	107,404	63,325
	<u>411,529</u>	<u>358,727</u>

**9 PENGHUTANG INSURANS**

<b>Kumpulan dan Syarikat</b>	<b>2013</b>	<b>2012</b>
	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
Premium terhutang termasuk baki agen/ broker dan penginsuran bersama	107,976	87,776
Amaun terhutang daripada penginsuran semula dan pengesid	36,585	21,423
Amaun terhutang daripada syarikat berkaian*	1,313	1,399
Komisen pendahuluan	-	704
	<u>145,874</u>	<u>111,302</u>
Peruntukan untuk rosot nilai		
- Individu	(6,587)	(3,070)
- Kolektif	(331)	(331)
	<u>138,956</u>	<u>107,901</u>

\* Amaun terhutang daripada syarikat-syarikat berkaitan adalah tidak bercagar, tidak dikenakan faedah dan tertakluk kepada syarat kredit biasa.

**10 PENGHUTANG LAIN**

	<b>Kumpulan</b>		<b>Syarikat</b>	
	<b>2013</b>	<b>2012</b>	<b>2013</b>	<b>2012</b>
	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
Perkongasian aset bersih di dalam Malaysia Motor Insurance Pool ("MMIP")	42,380	18,255	42,380	18,255
Pendapatan belum terima dan terakru	10,498	3,465	8,409	2,101
Deposit dan bayaran terdahulu	1,376	1,025	1,376	1,025
Amaun terhutang daripada syarikat induk	-	483	-	483
Amaun terhutang daripada pihak berkaitan	-	29	-	29
Amaun terhutang daripada broker saham	2	593	2	593
Lain-lain penghutang	4,199	5,431	4,199	5,431
	<u>58,455</u>	<u>29,281</u>	<u>56,366</u>	<u>27,917</u>

Jumlah yang dibawa penghutang lain menghampiri nilai saksama disebabkan oleh baki kematangan jangka pendek.



**Multi-Purpose Insurans Bhd**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**10 PENGHUTANG LAIN (samb.)**

Bahagian aset bersih MMIP (tidak termasuk saham liabiliti kontrak insurans MMIP yang termasuk dalam Nota 14) termasuk sumbangan tunai Syarikat sebanyak RM17.9 juta yang dibuat kepada MMIP, menurut panggilan tunai yang dibuat oleh MMIP dalam tahun kewangan semasa. Sumbangan tunai telah dibuat berhubung dengan bahagian kerugian terkumpul Syarikat dalam MMIP pada 31 Disember 2012.

**11 TUNAI DAN BAKI BANK**

	Kumpulan		Syarikat	
	2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
Tunai dan baki bank	8,738	8,477	8,713	8,456

Jumlah yang dibawa tunai dan baki bank menghampiri nilai saksama disebabkan oleh baki kematangan jangka pendek.

**12 MODAL SAHAM**

	Bilangan Saham Biasa pada RM1 setiap satu		Jumlah	
	2013 '000	2012 '000	2013 RM'000	2012 RM'000
<b>Dibenarkan:</b>				
Pada 1 Januari/31 Disember	100,000	100,000	100,000	100,000
<b>Diterbitkan dan dibayar penuh:</b>				
Pada 1 Januari/31 Disember	100,000	100,000	100,000	100,000

**Multi-Purpose Insurans Bhd  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**13 RIZAB**

(i) Keuntungan terkumpul

Sebelum tahun penilaian 2008, syarikat-syarikat di Malaysia telah menerima pakai sistem imputasi yang lengkap. Selaras dengan Akta Kewangan, 2007 yang diwartakan pada 28 Disember 2007, syarikat-syarikat tidak berhak menolak cukai atas dividen dibayar, cukai dikreditkan atau diagihkan kepada pemegang saham dan dividen-dividen ini akan dikecualikan daripada cukai dalam tangan pemegang saham ("sistem satu tingkat"). Namun demikian, terdapat tempoh peralihan selama 6 tahun yang tamat pada 31 Disember 2013 yang membenarkan syarikat-syarikat membayar dividen frangki kepada pemegang saham di bawah keadaan terhad. Syarikat juga mempunyai opsyen tidak boleh batal yang tidak menghiraukan baki Seksyen 108 dan memilih untuk membayar dividen di bawah sistem satu tingkat. Perubahan dalam undang-undang cukai juga memperuntukkan baki Seksyen 108 dimasukkan seperti pada 31 Disember 2007 yang selaras dengan Seksyen 39 dalam Akta Kewangan, 2007.

Syarikat tidak memilih opsyen tidak boleh batal yang tidak menghiraukan baki Seksyen 108. Selanjutnya, semasa tempoh peralihan, Syarikat boleh menggunakan kredit dalam baki Seksyen 108 pada 31 Disember 2007 untuk mengagihkan bayaran dividen tunai kepada pemegang saham biasa seperti didefinisikan di bawah Akta Kewangan, 2007. Pada 31 Disember 2010, Syarikat mempunyai baki Seksyen 108 yang mencukupi untuk membayar dividen frangki berjumlah RM20,000,000 daripada keseluruhan keuntungan terkumpulnya. Baki keuntungan terkumpul pada 31 Disember 2012 dan keseluruhan keuntungan terkumpul pada 31 Disember 2013 boleh diagihkan sebagai dividen di bawah sistem satu tingkat.

(ii) Rizab nilai saksama

Rizab nilai saksama adalah berkaitan dengan keuntungan tidak direalisasi atas sekuriti tersedia untuk jualan, tolak cukai tertunda.

**Multi-Purpose Insurans Bhd  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**14. LIABILITI KONTRAK INSURANS SEMULA**

Kumpulan dan Syarikat	2013			2012		
	Kasar RM'000	Insurans semula RM'000	Bersih RM'000	Kasar RM'000	Insurans semula RM'000	Bersih RM'000
Peruntukan tuntutan dilaporkan oleh pemegang polisi	453,189	(254,536)	198,653	409,547	(233,728)	175,819
Peruntukan untuk IBNR	111,259	(49,589)	61,670	114,571	(61,674)	52,897
Liabiliti tuntutan	564,448	(304,125)	260,323	524,118	(295,402)	228,716
Liabiliti premium	251,756	(107,404)	144,352	178,885	(63,325)	115,560
Liabiliti kontrak insurans	816,204	(411,529)	404,675	703,003	(358,727)	344,276
<b>(i) Liabiliti tuntutan</b>						
<b>Pada 1 Januari</b>	524,118	(295,402)	228,716	509,453	(309,093)	200,360
Tuntutan yang ditanggung dalam tahun semasa kemalangan	134,347	(65,937)	68,410	114,087	(52,084)	62,003
Tuntutan yang ditanggung dalam kemalangan tahun sebelum	16,496	(9,080)	7,416	13,842	(5,434)	8,408
Pergerakan dalam PRAD liabiliti tuntutan pada tahap keyakinan 75%	2,578	(385)	2,193	(10,535)	12,471	1,936
Pergerakan dalam tuntutan perbelanjaan pengendalian	770	-	770	(60)	-	(60)
Pelarasan dalam IBNR	(3,312)	12,085	8,773	(12,483)	20,801	8,318
Pergerakan lain dalam tuntutan yang ditanggung sepanjang tahun	90,580	(10,326)	80,254	83,609	(16,266)	67,343
Tuntutan dibayar sepanjang tahun (Nota 23)	(201,129)	64,920	(136,209)	(173,795)	54,203	(119,592)
<b>Pada 31 Disember</b>	564,448	(304,125)	260,323	524,118	(295,402)	228,716
<b>(ii) Liabiliti Premium</b>						
<b>Pada 1 Januari</b>	178,885	(63,325)	115,560	147,774	(47,961)	99,813
Premium ditulis dalam tahun (Nota 18)	557,510	(248,818)	308,692	505,385	(242,419)	262,966
Premium yang diperolehi sepanjang tahun (Nota 18)	(484,639)	204,739	(279,900)	(474,274)	227,055	(247,219)
<b>Pada 31 Disember</b>	251,756	(107,404)	144,352	178,885	(63,325)	115,560

**Multi-Purpose Insurans Bhd**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**15 PEMIUTANG INSURANS**

<b>Kumpulan dan Syarikat</b>	<b>2013</b>	<b>2012</b>
	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
Terhutang kepada agen dan perantara	5,374	6,675
Terhutang kepada penginsurans semula dan pengesid	106,161	66,380
Terhutang kepada syarikat-syarikat berkaitan*	1,851	3,558
	<u>113,386</u>	<u>76,613</u>

Amaun dibawa menghampiri nilai saksama disebabkan oleh kematangan jangka pendek yang baki ini.

\* Jumlah terhutang kepada syarikat-syarikat berkaitan adalah tidak bercagar, tidak dikenakan faedah dan tertakluk kepada syarat kredit biasa.

**16 LIABILITI/(ASET) CUKAI TERTUNDA**

<b>Kumpulan dan Syarikat</b>	<b>2013</b>	<b>2012</b>
	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
Pada 1 Januari	3,387	1,141
Diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain	(314)	1,166
Diiktiraf dalam penyata pendapatan	(282)	1,080
Pada 31 Disember	<u>2,791</u>	<u>3,387</u>

Dibentangkan selepas pengimbangan yang sesuai seperti berikut:

Cukai aset tertunda	(813)	(678)
Cukai liabiliti tertunda	3,604	4,065
	<u>2,791</u>	<u>3,387</u>

<b>Rizab premium tidak terperoleh</b>	<b>Perubahan nilai saksama atas pelaburan</b>	<b>Peruntukan modal dipercepatkan</b>	<b>Jumlah</b>
<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>

**Liabiliti cukai tertunda**

<b>2013</b>				
Pada 1 Januari	34	3,007	1,024	4,065
Diiktiraf dalam:				
Pendapatan komprehensif lain	-	(314)	-	(314)
Penyata pendapatan	66	-	(213)	(147)
Pada 31 Disember	<u>100</u>	<u>2,693</u>	<u>811</u>	<u>3,604</u>

**Multi-Purpose Insurans Bhd**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**16 LIABILITI/(ASET) CUKAI TERTUNDA (samb.)**

	Rizab premium tidak terperoleh	Perubahan nilai saksama atas pelaburan	Peruntukan modal dipercepat- kan	Jumlah
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
<b>Liabiliti cukai tertunda</b>				
<b>2012</b>				
Pada 1 Januari	(29)	1,841	306	2,118
Diiktiraf dalam:				
Pendapatan komprehensif lain	-	1,166	-	1,166
Penyata pendapatan	63	-	718	781
Pada 31 Disember	<u>34</u>	<u>3,007</u>	<u>1,024</u>	<u>4,065</u>

	Peruntukan bagi rosot nilai	Jumlah
	RM'000	RM'000
<b>Aset cukai tertunda</b>		
<b>2013</b>		
Pada 1 Januari	(678)	(678)
Diiktiraf dalam penyata pendapatan	(135)	(135)
Pada 31 Disember	<u>(813)</u>	<u>(813)</u>
<b>2012</b>		
Pada 1 Januari	(977)	(977)
Diiktiraf dalam penyata pendapatan	299	299
Pada 31 Disember	<u>(678)</u>	<u>(678)</u>

**Multi-Purpose Insurans Bhd  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**17 PEMIUTANG LAIN**

	Kumpulan		Syarikat	
	2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
Peruntukan dan akrual Jumlah terhutang kepada pihak lain:*	17,977	16,497	17,977	16,497
Syarikat induk muktamad	350	809	350	809
Lain-lain syarikat berkaitan	-	122	-	122
Pemiutang lain	17,876	31,116	17,784	31,039
	<u>36,203</u>	<u>48,544</u>	<u>36,111</u>	<u>48,467</u>

Jumlah yang dibawa pemiutang lain menghampiri nilai saksama disebabkan oleh kematangan jangka pendek yang baki ini.

\* Jumlah terhutang daripada pihak berkaitan adalah tidak bercagar, tidak dikenakan faedah dan perlu dibayar balik atas permintaan.

**18 PREMIUM TERPEROLEH BERSIH**

Kumpulan dan Syarikat	2013 RM'000	2012 RM'000
(a) Premium kasar (Nota 14(ii))	557,510	505,385
Perubahan dalam liabiliti premium	(72,871)	(31,111)
Premium terperoleh kasar	<u>484,639</u>	<u>474,274</u>
(b) Premium kasar (Nota 14(ii))	(248,818)	(242,419)
Perubahan dalam liabiliti premium	44,079	15,364
Premium terperoleh kasar	<u>(204,739)</u>	<u>(227,055)</u>
<b>Premium terperoleh bersih</b>	<u>279,900</u>	<u>247,219</u>

**Multi-Purpose Insurans Bhd  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**19 PENDAPATAN PELABURAN**

	Kumpulan		Syarikat	
	2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
Aset kewangan AFS				
Pendapatan dividen				
- sekuriti ekuiti disebut harga di Malaysia	3,741	2,402	3,741	2,402
-sekuriti ekuiti disebut harga di luar Malaysia	3	22	3	22
Pendapatan faedah	12,459	12,865	13,463	15,792
Faedah LAR	9,698	7,027	9,001	6,359
Pendapatan sewa daripada hartanah pelaburan	152	20	152	20
Pelunasan premium, bersih	(7)	(6)	(7)	(6)
	<u>26,046</u>	<u>22,330</u>	<u>26,353</u>	<u>24,589</u>

**20 KEUNTUNGAN TEREALISASI**

	Kumpulan		Syarikat	
	2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
Keuntungan direalisasi bagi:				
Aset kewangan AFS				
Sekuriti ekuiti disebut harga di Malaysia	6,109	7,170	6,109	7,170
Sekuriti ekuiti tidak disebut harga di luar Malaysia	1,050	41	1,050	41
Sekuriti hutang tidak disebut harga di Malaysia	600	2,532	-	-
Dana amanah tidak disebut harga di Malaysia	729	34	729	34
	<u>8,488</u>	<u>9,777</u>	<u>7,888</u>	<u>7,245</u>

**Multi-Purpose Insurans Bhd**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**21 PENDAPATAN YURAN DAN KOMISEN**

<b>Kumpulan dan Syarikat</b>	<b>2013</b>	<b>2012</b>
	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
Pendapatan komisen insurans semula	48,442	52,342

**22 PENDAPATAN KENDALIAN LAIN**

	<b>Kumpulan</b>		<b>Syarikat</b>	
	<b>2013</b>	<b>2012</b>	<b>2013</b>	<b>2012</b>
	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
Keuntungan/(kerugian) direalisasi bagi harta dan peralatan	120	(6)	120	(6)
Keuntungan direalisasi bagi pelupusan hartanah pelaburan	-	1,876	-	1,876
Hartanah dan peralatan dihapuskira	(2,204)	-	(2,204)	-
Kerugian rosot nilai aset kewangan AFS	(280)	(266)	(155)	(266)
Pendapatan perkhidmatan diperolehi daripada MMIP	12,139	11,953	12,139	11,953
Pendapatan runcit	1,469	941	1,448	654
	<u>11,244</u>	<u>14,498</u>	<u>11,348</u>	<u>14,211</u>

**23 TUNTUTAN BERSIH DITANGGUNG**

<b>Kumpulan dan Syarikat</b>	<b>Nota</b>	<b>2013</b>	<b>2012</b>
		<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
Tuntutan kasar dibayar tolak salvaj	14(i)	201,129	173,795
Pemulihan insurans semula	14(i)	(64,920)	(54,203)
Tuntutan bersih dibayar		<u>136,209</u>	<u>119,592</u>
Perubahan kasar dalam liabiliti kontrak			
Pada 31 Disember		564,448	524,118
Pada 1 Januari	14(i)	(524,118)	(509,453)
		<u>40,330</u>	<u>14,665</u>
Perubahan dalam liabiliti kontrak diserahkan kepada insurans semula			
Pada 31 Disember		(304,125)	(295,402)
Pada 1 Januari	14(i)	295,402	309,093
		<u>(8,723)</u>	<u>13,691</u>
<b>Tuntutan bersih ditanggung</b>		<u>167,816</u>	<u>147,948</u>



**Multi-Purpose Insurans Bhd**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**24 PERBELANJAAN PENGURUSAN**

	Note	Kumpulan		Syarikat	
		2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
Perbelanjaan manfaat pekerja	24(a)	40,226	35,608	40,226	35,608
Imbuan pengarah	24(b)	242	120	242	120
Imbuan juruaudit					
- audit berkanun		152	127	144	119
- perkhidmatan berkait audit		31	31	31	31
Peuntukan/(kira semula) bagi kerugian rosot nilai		3,517	(508)	3,517	(508)
Sewa hartanah		2,358	2,017	2,358	2,017
Susutnilai atas hartanah dan peralatan	3	1,173	1,356	1,173	1,356
Susutnilai atas hartanah pelaburan	4	50	-	50	-
Pelunasan aset tidak ketara	5	497	326	497	326
Perbelanjaan pengurus dana		906	952	1,022	1,022
Hutang lapuk dihapus kira		7	741	7	741
Perbelanjaan pemasaran		9,785	7,903	9,785	7,903
Yuran pengurusan		449	1,450	449	1,450
Caj bank		1,552	1,503	1,552	1,503
Penyelenggaraan komputer		1,535	1,590	1,535	1,590
Percetakan dan alat tulis		2,131	1,948	2,131	1,948
Perbelanjaan lain		2,797	2,721	2,691	2,636
		<u>67,408</u>	<u>57,885</u>	<u>67,410</u>	<u>57,862</u>

**(a) Perbelanjaan manfaat pekerja**

Kumpulan dan Syarikat	2013 RM'000	2012 RM'000
Upah dan gaji	23,991	21,489
Bonus	8,410	7,376
Caruman keselamatan sosial	220	204
Pelan caruman tetap - KWSP	3,864	3,678
Manfaat lain	3,741	2,861
	<u>40,226</u>	<u>35,608</u>

**Multi-Purpose Insurans Bhd**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**24 PERBELANJAAN PENGURUSAN (samb.)**

**(b) Imbuhan pengarah**

**Kumpulan dan Syarikat**

Butiran imbuhan diterima oleh /tertunggak kepada para Pengarah sepanjang tahun adalah seperti berikut:

	2013 RM'000	2012 RM'000
Pengarah Bukan Eksekutif:		
Yuran	200	108
Emolumen	35	5
Manfaat berupa barangan	7	7
	<u>242</u>	<u>120</u>

Bilangan Pengarah yang mana jumlah ganjaran yang diterima daripada Syarikat sepanjang tahun kewangan yang termasuk dalam kumpulan berikut dianalisis seperti berikut:

	<b>Bilangan Pengarah</b>	
	2013	2012
Pengarah Bukan Eksekutif RM50,000 dan bawah	<u>5</u>	<u>5</u>

**(c) Imbuhan Ketua Pegawai Eksekutif**

Butiran imbuhan yang diterima oleh Ketua Pegawai Eksekutif ("CEO") sepanjang tahun ini adalah seperti berikut:

	2013 RM'000	2012 RM'000
Gaji dan emolumen lain	630	600
Bonus	1,260	1,200
Sumbangan kepada pelan caruman tetap, KWSP	117	114
Manfaat berupa barangan	31	30
Jumlah termasuk dalam perbelanjaan manfaat pekerja	<u>2,038</u>	<u>1,944</u>

**Multi-Purpose Insurans Bhd**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**25 CUKAI**

<b>Kumpulan dan Syarikat</b>	<b>2013</b>	<b>2012</b>
	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
Cukai pendapatan:		
Cukai pendapatan Malaysia	6,648	12,889
Kurangan/(Lebih) peruntukan perbelanjaan cukai bagi tahun-tahun sebelumnya	155	(949)
	<u>6,803</u>	<u>11,940</u>
Cukai tertunda:		
Berkaitan dengan asal dan pembalikan perbezaan sementara	(169)	327
(Lebih)/kurangan peruntukan cukai tertunda bagi tahun-tahun sebelumnya	(113)	753
	<u>(282)</u>	<u>1,080</u>
Perbelanjaan cukai bagi tahun	<u>6,521</u>	<u>13,020</u>

Cukai semasa pendapatan dalam negeri dikira pada kadar cukai berkanun sebanyak 25% (2012: 25%) daripada anggaran keuntungan boleh taksir bagi tahun.

Penyesuaian perbelanjaan cukai pendapatan terpakai kepada keuntungan sebelum cukai pada kadar cukai berkanun kepada perbelanjaan cukai pendapatan pada kadar cukai efektif bagi Syarikat adalah seperti:

	<b>Kumpulan</b>		<b>Syarikat</b>	
	<b>2013</b>	<b>2012</b>	<b>2013</b>	<b>2012</b>
	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
Keuntungan sebelum cukai	<u>58,736</u>	<u>60,553</u>	<u>58,545</u>	<u>60,016</u>
Pencukaaian pada kadar cukai berkanun				
Malaysia sebanyak 25%	14,684	15,138	14,636	15,004
Pendapatan bebas cukai	(5,136)	(4,038)	(5,088)	(3,904)
Kesan perbelanjaan yang tidak boleh ditolak bagi tujuan percukaian	1,428	2,116	1,428	2,116
Penolakan tambahan yang dibenarkan disebabkan sumbangan tunai kepada MMIP sepanjang tahun*	(4,497)	-	(4,497)	-
(Lebih)/kurangan peruntukan cukai tertunda bagi tahun-tahun sebelumnya	(113)	753	(113)	753
Kurangan/(lebih) perbelanjaan cukai tertunda bagi tahun-tahun sebelumnya	155	(949)	155	(949)
Perbelanjaan cukai bagi tahun	<u>6,521</u>	<u>13,020</u>	<u>6,521</u>	<u>13,020</u>

\* Selaras dengan Peraturan PU (A) 419 Cukai Pendapatan (Potongan bagi sumbangan oleh Penanggung Insurans Berlesen kepada Malaysian Motor Insurance Pool) 2012, sumbangan wang tunai yang dibuat kepada MMIP melalui panggilan tunai dibenarkan untuk penolakan tambahan dalam tahun wang tunai itu dibayar kepada MMIP.

**Multi-Purpose Insurans Bhd  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**26 PEROLEHAN SESAHAM**

Keuntungan sesaham biasa telah dikira berdasarkan keuntungan Kumpulan selepas cukai bagi tahun 2013 sebanyak: RM52.2 juta (2012: RM47.5 juta) dan bilangan purata berwajaran saham biasa dalam terbitan sebanyak 100,000,000 (2012: 100,000,000) saham.

Keuntungan sesaham biasa telah dikira berdasarkan keuntungan Syarikat selepas cukai bagi tahun sebanyak: RM52.0 juta (2012: RM47.0 juta) dan bilangan purata berwajaran saham biasa dalam terbitan sebanyak 100,000,000 (2012: 100,000,000) saham.

**27 KOMITMEN MODAL**

Kumpulan dan Syarikat	2013 RM'000	2012 RM'000
Diluluskan dan dikontrakkan untuk:		
Perisian dan perkakasan computer	1,275	908
Hartanah dan peralatan	20	-
Hartanah pelaburan	4,009	-
	<u>5,304</u>	<u>908</u>

**28 PENGURUSAN OPERASI SEWAAN**

**(a) Syarikat pemberi sewa**

Syarikat telah memasuki perjanjian pajakan operasi untuk menggunakan premis pejabat tertentu. Pajakan ini mempunyai purata hayat antara 1 hingga 2 tahun dengan kontrak tertentu yang mempunyai pilihan pembaharuan dalam kontraknya. Ini termasuk kontrak sewa tetap sepanjang tempoh pajakan.

Masa depan agregat bayaran pajakan minimum akan diterima di bawah pajakan operasi dikontrakkan pada tarikh laporan tetapi tidak diiktiraf sebagai hutang adalah seperti berikut:

	2013 RM'000	2012 RM'000
Minimum bayaran sewa belum diterima pada masa hadapan:		
Tidak lebih dari 1 tahun	172	172
Lebih dari 1 tahun dan tidak lebih dari 5 tahun	129	301
	<u>301</u>	<u>473</u>

**Multi-Purpose Insurans Bhd**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**28 PENGURUSAN OPERASI SEWAAN (samb.)**

**(b) Syarikat sebagai penyewa**

Syarikat telah memasuki perjanjian pajakan operasi untuk menggunakan premis ejabat tertentu. Pajakan ini mempunyai purata hayat antara 2 hingga 6 tahun dengan kontrak tertentu yang mempunyai pilihan pembaharuan dalam kontraknya. Ini termasuk kontrak sewa tetap sepanjang tempoh tempoh pajakan.

Masa depan agregat bayaran pajakan minimum di bawah pajakan operasi dikontrakkan pada tarikh laporan tetapi tidak diiktiraf sebagai liabiliti, adalah seperti berikut:

	2013 RM'000	2012 RM'000
Minimum bayaran sewa belum diterima pada masa hadapan:		
Tidak lebih dari 1 tahun	2,236	2,289
Lebih dari 1 tahun dan tidak lebih dari 5 tahun	1,955	4,191
	<u>4,191</u>	<u>6,480</u>

**29 PENDEDAHAN PENTING PIHAK BERKAITAN**

Untuk tujuan penyata kewangan ini, pihak-pihak dianggap berkaitan dengan Kumpulan sekiranya Kumpulan mempunyai keupayaan, secara langsung atau tidak langsung, untuk mengawal pihak atau melaksanakan pengaruh penting ke atas pihak dalam membuat keputusan kewangan dan operasi, atau sebaliknya, atau di mana pihak Kumpulan tertakluk kepada kawalan yang sama atau pengaruh penting yang sama. Pihak-pihak berkaitan mungkin individu atau entiti lain.

**(a) Pihak Berkaitan**

Name	Hubungan
MPHB Capital Berhad	Syarikat Induk Muktamad
Multi-Purpose Capital Holdings Berhad	Syarikat Induk
Flamingo Management Sdn Bhd	Syarikat lain berkaitan
MP Solutions Sdn Bhd	Syarikat lain berkaitan
Magnum Berhad	Syarikat lain berkaitan
Magnum 4D Berhad	Syarikat lain berkaitan
Magnum Corporation Berhad	Syarikat lain berkaitan
Magnum Information Technology Sdn Bhd	Syarikat lain berkaitan
Magnum Leisure Sdn Bhd	Syarikat lain berkaitan
Sababumi (Sandakan) Sdn Bhd	Syarikat lain berkaitan
Syarikat Perniagaan Selangor Sdn Bhd	Syarikat lain berkaitan
Tune Insurance (Labuan) Ltd	Syarikat lain berkaitan
MWE Properties Sdn Bhd	Syarikat di mana seorang pengarah, Tan Sri Dato' Surin Upatkoon
Ganda Persona Sdn Bhd	mempunyai kepentingan

**Multi-Purpose Insurans Bhd**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**29 PENDEDAHAN PENTING PIHAK BERKAITAN (samb.)**

- (b) Tambahan kepada urus niaga terperinci di bahagian lain penyata kewangan, Kumpulan dan Syarikat mempunyai transaksi berikut dan baki penting dengan pihak berkaitan sepanjang tahun:

<b>Kumpulan dan Syarikat</b>	<b>2013</b>	<b>2012</b>
	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
Pendapatan/(perbelanjaan):		
<b><i>Syarikat induk muktamad:</i></b>		
Premium insurans diterima	-	122
Komisen dibayar	-	(16)
Tuntutan dibayar	-	(18)
Sewa pejabat dibayar	-	-
Yuran pengurusan dibayar untuk perkhidmatan yang disediakan	-	(769)
Yuran guaman	(2)	-
<b><i>Subsidiari syarikat induk muktamad:</i></b>		
Premium insurans diterima	563	4,049
Premium insurans diserahkan	(152)	(17,818)
Komisen dibayar	(62)	(664)
Komisen diterima	47	5,481
Tuntutan dibayar	(206)	(894)
Tuntutan diperolehi	426	1,212
Sewa pejabat dibayar	-	(123)
Yuran pengurusan IT dibayar	(324)	(784)
Yuran broker yang dibayar	-	(151)
<b><i>Syarikat berkaitan:</i></b>		
Premium insurans diterima	2,012	-
Komisen dibayar	(430)	-
Tuntutan dibayar	(152)	-
Penajaan diterima	49	-
Yuran pengurusan dibayar	(288)	-

**Multi-Purpose Insurans Bhd**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**29 PENDEDAHAN PENTING PIHAK BERKAITAN (samb.)**

- (b) Tambahan kepada urus niaga terperinci di bahagian lain penyata kewangan, Kumpulan dan Syarikat mempunyai transaksi berikut dan baki penting dengan pihak berkaitan sepanjang tahun (samb.):

Pendapatan/(perbelanjaan):

	2013	2012
	RM'000	RM'000
<b>Faedah Pengarah:</b>		
Premium insurans diterima	1,189	1,564
Komisen dibayar	(158)	(212)
Tuntutan dibayar	(514)	(322)
Sewa pejabat dibayar	(21)	(60)
	<u>          </u>	<u>          </u>

**Amaun terunggak daripada / (tertunggak kepada)**

***Amaun terunggak daripada bekas syarikat induk muktamad:***

Magnum Berhad	-	483
	<u>          </u>	<u>          </u>

***Amaun terunggak daripada syarikat berkaitan:***

Ganda Persona Sdn Bhd	358	240
Magnum 4D Berhad	916	925
Magnum Corporation Bhd	29	-
Magnum Berhad	10	-
A.A.Anthony Securities Sdn Bhd (tidak lagi menjadi syarikat berkaitan pada tahun kewangan)	-	251
MWE Properties Sdn Bhd	-	12
	<u>          </u>	<u>          </u>
	1,313	1,428

***Amaun terunggak kepada syarikat induk muktamad:***

MPHB Capital Berhad (menjadi syarikat induk muktamad pada 29 Mac 2013)	350	-
Magnum Berhad (tidak lagi menjadi syarikat induk muktamad pada 29 Mac 2013)	-	809
	<u>          </u>	<u>          </u>
	350	809

***Amaun terunggak kepada syarikat berkaitan:***

Ganda Persona Sdn Bhd	1	2
Magnum 4D Berhad	-	1
Magnum Corporation Bhd	-	7
MP Solutions Sdn Bhd	-	122
Flamingo Management Sdn Bhd	-	62
Syarikat Perniagaan Selangor Sdn Bhd	2	-
Tune Insurance (Labuan) Bhd	1,848	3,486
	<u>          </u>	<u>          </u>
	1,851	3,680

**Multi-Purpose Insurans Bhd**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**29 PENDEDAHAN PENTING PIHAK BERKAITAN (samb.)**

- (b) Para Pengarah berpendapat bahawa semua urusan di atas telah dimeterai dalam perjalanan biasa perniagaan dan telah diwujudkan atas terma dan syarat yang tidak mempunyai perbezaan yang ketara dengan yang terdapat dalam urusan dengan pihak-pihak berkaitan.
- (c) Pampasan kakitangan pengurusan utama

Imbuhan pengarah dan ahli pengurusan utama sepanjang tahun ini adalah seperti berikut:

	2013 RM'000	2012 RM'000
Manfaat pekerja jangka-pendek	5,703	5,456
Manfaat pekerja jangka-panjang lain	902	571
	<u>6,605</u>	<u>6,027</u>

Kakitangan pengurusan utama adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal aktiviti-aktiviti Syarikat, secara langsung atau tidak langsung. Kakitangan pengurusan utama Syarikat termasuk Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi, Pengurus Besar dan Penolong Pengurus Besar Syarikat.

**30 DIVIDEN**

	2013 Dividen bersih sen sesaham sen	2013 Jumlah dividen, tolak cukai RM'000	2012 Dividen bersih sen sesaham sen	2012 Jumlah dividen, tolak cukai RM'000
Dividen interim diiktiraf dalam tahun (berkaitan dengan tahun kewangan sebelumnya)	<u>0.2</u>	<u>20,000</u>	<u>-</u>	<u>-</u>

Dividen interim sebanyak 0.2667 sen sesaham, ditolak cukai pendapatan sebanyak 25%, ke atas 100,000,000 saham biasa yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 13 Mei 2013 dan dibayar pada 7 Jun 2013.



**Multi-Purpose Insurans Bhd  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**31 RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO**

Lembaga Pengarah dengan bantuan Pengurusan telah melaksanakan proses pengurusan risiko dalam Syarikat yang menetapkan keseluruhan strategi perniagaan dan falsafah pengurusan risiko am. Syarikat terdedah kepada empat bahagian risiko utama, iaitu risiko operasi, risiko kewangan dan risiko am.

Jawatankuasa Pengurusan Operasi Strategik ("SOMC") yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif ditubuhkan untuk menjalankan tanggungjawab mengenal pasti risiko penting dari segi kebarangkalian pendedahan dan kesan ke atas perniagaan Syarikat serta pelan tindakan pengurusan untuk mengurus risiko-risiko ini dengan tetap.

Pengurusan risiko bebas dan fungsi kawalan di bawah Jabatan Audit Dalaman memberikan sokongan yang diperlukan kepada jawatankuasa dan SOMC bertanggungjawab untuk memastikan bahawa polisi risiko dilaksanakan dan dipatuhi.

Unit Perniagaan bertanggungjawab mengenal pasti, mengurangkan dan mengurus risiko dalam barisan perniagaan mereka dan memastikan bahawa aktiviti perniagaan harian mereka dijalankan dengan lancar.

Peranan Jawatankuasa Audit yang disokong oleh Jabatan Audit Dalaman adalah untuk memberikan penilaian berasingan ke atas kecukupan dan kebolehpercayaan proses pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman serta pematuhan kepada polisi risiko, undang-undang dan garis panduan dalaman serta pengawalseliaan.

Dasar pengurusan risiko disemak semula secara berkala untuk memastikan bahawa polisi-polisi ini masih boleh digunakan dan efektif dalam mengurus risiko-risiko yang berkaitan akibat perubahan dalam persekitaran pasaran dan kawal seliaan.

**Pelan Pengurusan Modal**

Menurut Rangka Kerja RBC yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Lembaga Pengarah meluluskan dan menggunakan Pelan Pengurusan Modal ("CMP") untuk Syarikat yang sejajar dengan keperluan ditetapkan dalam Rangka Kerja RBC mulai 1 Januari 2009. Objektif CMP adalah untuk mengoptimumkan penggunaan sumber secara cekap dan berkesan untuk memaksimumkan pulangan ke atas ekuiti dan membekalkan tahap modal yang mencukupi untuk melindungi pemegang polisi dengan mengambil kira peristiwa yang memberi kesan langsung atau tidak langsung kepada operasi dan ketahanan kewangan Syarikat dan mematuhi peraturan dan undang-undang yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang relevan. Syarikat telah memenuhi keperluan minima modal seperti yang dinyatakan oleh Rangka kerja RBC pada akhir tarikh laporan.

**Multi-Purpose Insurans Bhd  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**31 RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO (samb.)**

Pengurusan modal dibimbing oleh CMP yang dipimpin oleh strategi perniagaan Syarikat dan keperluan organisasi yang mengambil kira persekitaran perniagaan dan kawal seliaan di mana Syarikat beroperasi. Dalam hal ini, Syarikat menentukan sasaran modal untuk Tahap 1 dan Tahap 2 seperti yang didefinisikan di bawah Rangka Kerja RBC yang lebih tinggi daripada keperluan kawal seliaan minimum.

Jawatankuasa pengurusan yang bertanggungjawab menyelia pengurusan modal Syarikat adalah SOMC. Semua cadangan tentang penyimpangan dari sasaran modal atau kegiatan pungutan modal mesti dialamatkan dan diluluskan oleh SOMC sebelum penyaranan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan dan pelaksanaan.

**Ujian Tekanan**

CMP juga memasukkan Dasar Tekanan yang menghendaki ujian tekanan dijalankan dua kali setahun untuk menilai tahap ketahanan modal Syarikat terhadap saham pasaran secara sistematik dan tahap modal akan terhadis oleh risiko utama yang dikenal pasti akibat peristiwa luar biasa yang buruk tetapi munasabah dan menentukan kesan ke atas prestasi dan keadaan kewangan.

Keputusan ujian tekanan dengan tindakan balas dijadualkan kepada RMC untuk dipertimbangkan dan disarankan kepada Lembaga Pengarah untuk diluluskan pada masa penghantaran kepada Bank Negara Malaysia.

**Pengurusan Aset Liabiliti (ALM)**

Objektif utama polisi pengurusan aset/liabiliti Syarikat adalah untuk memastikan bahawa aset cair yang dipegang adalah mencukupi sepanjang masa dan memberikan pendapatan yang memuaskan dan tetap ke atas aset-aset ini.

ALM Syarikat adalah bersepadu dengan pengurusan risiko kewangan berkaitan dengan aset dan liabiliti kewangan lain Syarikat yang tidak berkaitan langsung dengan insurans. Jawatankuasa Pengurusan Operasi Strategik Syarikat dan Jawatankuasa Pelaburan pada dasarnya bertanggungjawab ke atas pengurusan aset/liabiliti berdasarkan garis panduan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

**Pengurusan Risiko Subsidiari**

Risiko syarikat subsidiari diuruskan oleh pengurus dana luar dan dipertimbangkan oleh Lembaga dalam aktiviti pengurusan risiko secara keseluruhannya.

**Multi-Purpose Insurans Bhd  
(Diperbadankan di Malaysia)****32 RISIKO INSURANS**

Syarikat menaja jamin pelbagai jenis kontrak insurans am yang kebanyakannya adalah atas dasar perlindungan tahunan dan premium tahunan kecuali polisi jangka pendek seperti Kargo Marin yang meliputi tempoh di mana kargo itu dihantarkan.

Syarikat juga menaja jamin sesetengah polisi bukan tahunan dengan tempoh perlindungan yang melebihi satu tahun seperti Kemalangan Diri Kurangan Gadai Janji, Semua Risiko Kontraktor dan Kejuruteraan, Bon dan Pampasan Pekerja. Majoriti perniagaan insurans ditulis oleh Syarikat adalah Kebakaran dan Motor. Baris perniagaan utama yang lain termasuk Semua Risiko Kontraktor dan Kejuruteraan, Pampasan Pekerja, Liabiliti, Kemalangan Diri dan pelbagai kelas lain.

Objektif Syarikat dalam pengurusan risiko insurans adalah untuk meningkatkan prestasi kewangan jangka panjang perniagaan untuk mencapai perkembangan mapan dalam keuntungan, kualiti aset yang kukuh dan mengoptimumkan nilai pemegang saham secara berterusan. Syarikat berusaha menulis risiko-risiko itu yang difahami dan mewujudkan peluang yang munasabah untuk memperolehi keuntungan yang memuaskan.

Risiko insurans adalah ketidakpastian yang wujud berkenaan kejadian, jumlah atau masa liabiliti insurans. Kontrak insurans memindahkan risiko kepada Syarikat dengan melindungi pemegang polisi daripada kesan buruk yang timbul daripada kejadian peristiwa masa hadapan tertentu yang tidak pasti. Risiko utama yang dihadapi oleh Syarikat di bawah kontrak insurans adalah tuntutan sebenar dan bayaran manfaat berbeza daripada jangkaan. Risiko-risiko ini timbul daripada perubahan dalam masa, kekerapan dan keseriusan tuntutan dan kecukupan premium dan rizab.

Syarikat menggunakan langkah-langkah berikut untuk mengurus risiko insurans:

- (i) Syarikat telah menetapkan pengurusan tuntutan dan sistem kawalan untuk membayar tuntutan dan mengawal pembaziran atau penipuan tuntutan. Syarikat mempunyai polisi penyemakan semula tuntutan untuk menilai kesemua tuntutan baru dan berterusan, penyemakan semula prosedur pengendalian tuntutan dan penyiasatan tuntutan yang mungkin palsu untuk mengurangkan risiko pendedahan Syarikat. Syarikat selanjutnya menguatkuasa satu polisi yang mengurus tuntutan dengan aktif dan mengejar tuntutan dengan tepat untuk mengurangkan pendedahan kepada perkembangan masa hadapan yang tidak dapat dijangka yang akan menjejaskan perniagaan dengan teruk. Risiko inflasi dikurangkan dengan mengambil kira jangkaan inflasi semasa menganggar liabiliti kontrak insurans.
- (ii) Syarikat membeli insurans semula sebagai sebahagian daripada program pengurangan risikonya. Objektif pembelian insurans semula adalah untuk membekalkan kapasiti utama pasaran untuk pelanggan Syarikat dan melindungi penyata kedudukan kewangan serta mengoptimumkan kecekapan modal Syarikat. Insurans semula diserahkan atas dasar kuota saham berkadar dan tidak berkadar. Terdapat pelbagai penempatan insurans semula Syarikat. Ia tidak bergantung pada penginsurans semula yang tunggal dan operasi Syarikat juga tidak banyak bergantung pada mana-mana kontrak insurans semula tunggal.

**Multi-Purpose Insurans Bhd  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**32. RISIKO INSURANS (samb.)**

Jadual di bawah menunjukkan ketumpuan liabiliti kontrak insurans Kumpulan dan Syarikat mengikut jenis produk insurans:

Kumpulan dan Syarikat	2013			2012		
	Kasar RM	Insurans semula RM	Bersih RM	Kasar RM'000	Insurans semula RM'000	Bersih RM'000
<b>Liabiliti Tuntutan</b>						
Motor	176,880	(5,806)	171,074	157,361	(11,916)	145,445
Api	83,023	(62,834)	20,189	69,141	(46,772)	22,369
Marin, Penerbangan & Transit	144,427	(135,332)	9,095	147,879	(139,394)	8,485
Lain-lain	160,118	(100,153)	59,965	149,737	(97,320)	52,417
	<b>564,448</b>	<b>(304,125)</b>	<b>260,323</b>	<b>524,118</b>	<b>(295,402)</b>	<b>228,716</b>
<b>Liabiliti Premium</b>						
Motor	86,780	(10,068)	76,712	69,408	(11,273)	58,135
Api	17,105	(6,709)	10,396	25,531	(13,120)	12,411
Marin, Penerbangan & Transit	52,380	(49,988)	2,392	16,799	(14,457)	2,342
Lain-lain	95,491	(40,639)	54,852	67,147	(24,475)	42,672
	<b>251,756</b>	<b>(107,404)</b>	<b>144,352</b>	<b>178,885</b>	<b>(63,325)</b>	<b>115,560</b>

**Multi-Purpose Insurans Bhd  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**32 RISIKO INSURANS (samb.)**

**Andaian Utama**

Andaian utama yang mendasari anggaran liabiliti adalah perkembangan tuntutan masa hadapan Syarikat akan mengikut pola yang sama dengan pengalaman perkembangan tuntutan lepas. Ini termasuk andaian berkenaan kos tuntutan purata, kos pengendalian tuntutan dan bilangan tuntutan untuk setiap tahun kemalangan.

